

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 185 ● 7 - 13 OKTOBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 [Wilayahku](#)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](#)

 [WK TV](#)

## APC pemangkin kecemerlangan KWP

>> 9, 10 & 11



Bajet  
2023: Tiga  
cadangan  
peruntukan  
untuk belia

>> 17



Ke arah persekitaran  
tanpa kertas dengan  
borang digital pintar

>> 16



Jual 'bundle',  
modal RM300 kini  
pendapatan puluhan  
ribu sebulan

>> 21

## Task Force kutip sewa PPR/PA RM26 juta tertunggak



**M**ESKIPUN kadar sewaan bulanan Projek Perumahan Rakyat (PPR)/Perumahan Awam (PA) hanya di antara RM124 hingga RM240, namun sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa menanggung jumlah tunggakan yang mencecah lebih RM26 juta.

Lebih aneh apabila ada dalam kalangan golongan yang liat membayar sewa ini sebenarnya berkemampuan, mempunyai

kenderaan mewah dan bekerjaya tetap namun mereka 'liat' dan sengaja culas membayar sewa bulanan rumah yang didiami bersama keluarga.

Ekoran masalah tersebut, DBKL mengambil inisiatif dengan menubuahkan pasukan Task Force bagi menyelesaikan isu berkenaan sekali gus mengurangkan tunggakan dan meningkatkan kutipan sewa di PPR/PA.

LAGI BERITA DI MUKA 2

Bina rumah atas tanah kerajaan

# Pemaju swasta wajar kurangkan harga

**P**EMAJP swasta yang membangunkan tanah milik kerajaan persekutuan dan agensi termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) wajar mengurangkan harga jualan rumah sekali gus dapat mengurangkan beban yang ditanggung mereka dalam penyediaan kuota bumiputera.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata ketika ini pemaju hartaan yang membangunkan tanah milik DBKL menikmati pengurangan sebanyak 20 peratus.

"Dari segi pelaksanaannya ia menjadi keistimewaan yang harus dilaksanakan supaya pemaju tidak dibebankan untuk memberi diskon kepada bumiputera.

"Pemaju mesti memperuntukkan kuota lima peratus yang diperuntukkan itu dan ia boleh dilaksanakan ketika fasa penjualan serta ketika DBKL mengeluarkan perintah pembangunan (DO)," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Penutup

Bumiputera Properties Exhibition (BPEX) di Kompleks Beli-Belah Mid Valley pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Ruzain Idris dan Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL, Khairul Anuar Mhd Juri.

Terdahulu dalam ucapannya, Shahidan berkata pihak kerajaan termasuk DBKL boleh berbincang supaya harga tanah yang dimajukan dan bakal dimiliki itu dimasukkan bersama dalam kuota bumiputera tanpa perlu mengurangkan keuntungan pemaju.

Langkah itu katanya dapat membantu golongan muda khususnya bumiputera memiliki hartaan dengan harga yang munasabah.

"Kita telah mengira semasa membuat proses pemilikan tanah. Jadi kalau proses itu dapat difikirkan dan ia langkah terbaik," ujarnya.

Beliau berkata walaupun terdapat kira-kira 3,000 unit hartaan di bawah kuota yang tidak terjual



**SHAHIDAN** (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai projek perumahan yang dibangunkan di sekitar Lembah Klang selepas Majlis Penutup Bumiputera Property Exhibition (BPEX) di Mad Valley pada Ahad.

di Kuala Lumpur, beliau akan memeriksa dengan pemaju kerana penetapan 30 peratus kuota bumiputera dalam setiap projek perumahan adalah peraturan lama

yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dan masih diamalkan sehingga kini.

"Sekarang ini kita mengikut keadaan semasa, kita lihat sa-

lah satu daripada pemaju ini telah mencapai lebih 40 peratus kuota bumiputera. Malah ada pemaju ini telah capai 60 peratus bukan lagi 30 peratus.

"Jadi berkenaan 30 peratus itu, kita akan tetapkan kemudian tetapi dari segi jualan rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini saya akan lihat kembali, namun boleh dikatakan semua telah selesai cuma pihak pengajur memaklumkan masih ada lagi rumah yang tidak dibeli dan kita akan lihat semula perkara itu kerana ia turut berkait dengan institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan perumahan," katanya.

Sementara itu, Shahidan turut menyambut baik cadangan Pengarah Pemasaran Marvel Management Communication Sdn Bhd, Mohd Azmi Mohd Aris untuk mengecualikan duti setem dalam pembelian hartaan.

"Perkara ini di bawah Kementerian Kewangan dan kita boleh bawa untuk dipertimbangkan," katanya. **WK**

## Kutip tunggakan sewa rumah: DBKL tubuh Task Force libat persatuan penduduk

DARI MUKA DEPAN

**BERDEPAN** dengan masalah tunggakan sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR)/Perumahan Awam (PA) sehingga mencecah puluhan juta ringgit sememangnya satu cabaran kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bercakap mengenai perkara itu, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB), **Ismadi Sakirin** berkata banyak faktor yang menyebabkan tunggakan sewa mencecah puluhan juta ringgit.

"Antara faktor yang dikenal pasti adalah kebanyakan penduduk merupakan dari dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) dan mempunyai julat pendapatan yang rendah.

"Selain itu, tidak dinafikan terdapat golongan yang sengaja culas membayar sewa bulanan sedangkan berkemampuan malah ada yang mempunyai kenderaan dan bekerja tetap," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Ismadi, untuk menyelesaikan masalah tersebut pihaknya merintis kerjasama dengan Persatuan Penduduk dengan menujuhan pasukan *Task Force* bagi menangani masalah tunggakan sewa PPR/PA mulai tahun 2022.

"*Task Force* ini bermula pada 1 Oktober hingga 30 November 2022 yang dianggotai oleh enam orang ahli dalam setiap pasukan.

"Tugas utama pasukan *Task Force* ini adalah menyerahkan bil dan notis tunggakan sewa kepada para penyewa yang mempunyai tunggakan



**ISMADI** (kiri) menyerahkan fail kepada anggota Task Force tunggakan sewa PPR/PA yang akan menjalani penyewa yang culas membayar sewa bermula 1 Oktober hingga 30 November ini.

dan pada masa yang sama memberi peringatan tanggungjawab sebagai penyewa untuk membayar sewa," katanya.

Ismadi berkata setakat September 2022, tunggakan sewa terkumpul berjumlah RM26,997,259 yang melibatkan sebanyak 21,264 unit bertunggakan.

"Kawasan yang mencatatkan jumlah tunggakan tertinggi setakat September 2022 adalah di kawasan PPR Kg Muhibbah dengan jumlah tunggakan terkumpul berjumlah RM2,296,771 (8.5 peratus) yang melibatkan sebanyak 1,255 unit bertunggakan.

"DBKL mensasarkan 90 peratus kutipan tunggakan bagi tempoh pelaksanaan *Task Force* ini," katanya.

Tambahnya, 10 kawasan PA dan PPR terpilih adalah berdasarkan 10 kawasan yang mempunyai jumlah tunggakan sewa tertinggi. **WK**

### INFO 11 PPR/PA catat tunggakan sewa

**Sebanyak 11 pasukan** *Task Force* telah ditubuhkan melibatkan 10 kawasan PA/PPR

- PPR Muhibbah 1
- PPR Bukit Jalil 1
- PPR Bukit Jalil 2
- PPR Intan Baiduri
- PPR Desa Tun Razak
- PPR Beringin
- PPR Batu Muda
- PPR Air Panas
- PPR Seri Alam 2
- PA Desa Rejang
- Rumah Panjang Ikan Emas

## Karnival Jualan Murah Keluarga Malaysia jimatkan kos sara hidup

**PROGRAM** Jualan Murah Keluarga Malaysia yang diadakan sejak Ogos lalu terus mendapat sambutan menggalakkan dan akan diperluaskan di seluruh Parlimen Setiawangsa susulan kejayaan program yang diadakan di Dewan Terbuka Surau Nurussalam Kelumpuk Kenanga, Ahad lalu.

Presiden Persatuan Komuniti Prihatin Setiawangsa (MySetiawangsa), Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah berkata inisiatif jualan murah ini membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Kita dapat lihat respons yang baik apabila orang ramai mula turun seawal pukul 8 pagi dan program seperti ini tidak akan berakhir di sini di mana ia akan dikembangkan kepada komuniti-komuniti di seluruh Parlimen Setiawangsa agar lebih ramai mencapai penjimatan kos sara hidup."

"Mudah sahaja, kalau kita tidak dapat tambah pendapatan kerana ia akan ambil masa, jadi dengan kerapnya jualan murah ini diadakan, ia boleh menjimatkan perbelanjaan kos sara hidup kita," katanya kepada pemberita sejurus perasmian Karnival Jualan Murah Komuniti Keluarga Malaysia peringkat Parlimen Setiawangsa, baru-baru ini.

Tambahnya program kali ini merupakan anjuran kali pertama hasil kerjasama komuniti penduduk dan Komuniti Keluarga Malaysia (KKM).

"Program baru-baru ini bersama penduduk Kelumpuk Kenanga Polis Diraja Malaysia (PDRM), KKM Cempaka AU3 dan beberapa organisasi lain yang bekerjasama atas semangat Keluarga Malaysia. Kita menyahut seruan kerajaan untuk membantu komuniti setempat mengurangkan kos sara hidup."

"Menerusi Karnival Jualan Murah ini, rakyat dapat menikmati harga barangan keperluan harian sehingga 20 peratus lebih murah dari pasaran," ujarnya.

Irwan berkata pihaknya bercadang untuk menjadikan program tersebut secara mingguan kerana jika lebih kerap ia diadakan, lebih banyak penjimatan dapat dilakukan.

Terdahulu, Program Karnival Jualan Murah Keluarga Malaysia turut mengadakan jualan murah barang runcit, barang basah (ayam, ikan dan daging) dan cabutan berluah buat pengunjung yang berbelanja RM30 ke atas. **WK**

# Penguat kuasa DBKL perlu berhemah ketika laksanakan tugas - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

**MENTERI** Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** mengingatkan pegawai dan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu berhemah dan menggunakan kaedah bersesuaian tetapi berkesan serta mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan dalam melaksanakan penguatkuasaan.

Katanya, peringatan ini dibuat berikutan segala tindakan penguatkuasaan oleh DBKL sentiasa diperhati dan sering dijadikan contoh terutamanya Pihak Berkusa Tempatan (PBT) lain.

"Oleh itu, Jabatan Penguatkuasaan DBKL harus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti supaya menjadi contoh teladan kepada pihak lain. Tindakan kita perlu cepat, tepat dan berkesan serta memenuhi ekspektasi yang diharapkan warga kota.

"Sebagai pasukan penguatkuasaan terbesar di dalam negara, warga kerja Jabatan Penguatkuasaan DBKL perlu sentiasa meningkatkan komitmen dan ketelusan dalam melaksanakan tugas yang diberikan kerana jabatan ini memainkan peranan cukup penting bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara terjaga serta terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Penguat Kuasa Jabatan Penguatkuasaan DBKL kali ke-53, di Menara Penguatkuasaan DBKL, Bandar Tun Razak yang turut dihadiri Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Sambutan Hari Penguat Kuasa merupakan satu pengiktirafan kepada warga kerja Jabatan Penguatkuasaan DBKL bagi menghargai jasa dan komitmen



SHAHIDAN (kiri) memakaikan pingat cemerlang kepada anggota penguat kuasa dari Unit Berkuda sempena Hari Penguat Kuasa DBKL, Khamis lalu.

mereka dalam melaksanakan penguatkuasaan di ibu negara, sejak 53 tahun lalu.

Sementara itu, Mahadi dalam ucapannya berkata, tugas-tugas

berdasarkan peruntukan undang-undang berikutnya banyak isu mengenai penularan gambar dan rakaman video yang pantas dalam era informasi tanpa batasan.

"Adalah penting bagi setiap pegawai penguat kuasa untuk menggunakan pendekatan yang terbaik dalam menangani isu penguatkuasaan apabila berdepan dengan penguatkuasaan undang-undang ke atas warga kota.

"Besar harapan saya agar setiap aspek dalam kerja dan penugasan penguatkuasaan diberi perhatian yang tinggi, serta setiap tindakan dilaksanakan dengan penuh berintegriti, cekap dan pantas," katanya.

Dalam majlis sama, seramai 37 pegawai dan kakitangan termasuk dari jabatan dalam DBKL telah dianugerahkan pelbagai pingat sebagai pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang serta kerjasama antara jabatan. **WK**

## 2,000 pelajar IPT B40 di Kuala Lumpur terima bantuan JPKM 2022

**SERAMAI** 2,000 pelajar daripada golongan berpendapatan rendah B40 sekitar Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menerima bantuan di bawah Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia (JPKM) 2022 di bawah Yayasan Prihatin Nasional (Prihatin).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata program inisiatif Perdana Menteri itu telah membuka peluang akses pendidikan tinggi kepada pelajar kurang berkemampuan di seluruh negara.

"Inisiatif kerajaan dalam membantu pelajar daripada golongan B40 termasuk penduduk luar bandar di 35 Parlimen setakat ini mendapat sambutan menggalakkan.

"Matlamat program ini adalah bagi membolehkan pelajar yang

memiliki kelulusan ditawarkan tempat di universiti awam atau swasta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) tiga penjurur di antara Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) dan Prihatin serta Penyerahan Sumbangan Kepada Anak-Anak Wilayah Persekutuan di Unitar pada Isnin.

Hadir sama, Naib Canselor Unitar, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Leftenan Jeneral Datuk Hasagaya Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Prihatin Nasional (Prihatin), Datuk Mohd Aizuddin Mohd Ghazali.

MoU berkenaan bertujuan untuk membangun, menyokong serta memperkayakan pembangunan penyelidikan selain pendidikan tinggi bagi memacu pertumbuhan negara.

Menurut Jalaluddin berkata pelbagai kaedah telah dilaksanakan untuk mencari dan menjelaki pelajar-pelajar ini bagi mengelak kecinciran.

"Saya difahamkan pasukan Prihatin ini telah berkunjung ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) seluruh Kuala Lumpur termasuk menjelajah ke 11 parlimen untuk membantu anak-anak ini melanjutkan pelajaran ke IPT.

"Mereka ini akan menerima bantuan perbelanjaan dan komputer riba dari Prihatin dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"MAIWP merupakan penyumbang utama dana bantuan awal pendidikan, komputer riba, cermin mata dan barang keperluan asas ke Menara Gading," katanya.

Sementara itu, Jalaluddin berkata seramai 32,600 pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti awam dan swasta sudah menerima bantuan di bawah Jelajah Pendidikan Keluarga

JPKM) 2022 tahun ini.

"Saya amat berbangga dan sangat teruja apabila lebih 200,000 anak-anak Keluarga Malaysia telah ditempatkan di Institusi

Pengajian dan Kemahiran Tinggi termasuk Universiti Awam sepanjang tiga tahun pengajuran Jelajah Pendidikan Bumiputera sebelum ini," katanya. **WK**



JALALUDDIN (kiri) menyerahkan sumbangan komputer riba kepada seorang pelajar B40 Kuala Lumpur pada Isnin.

**Jadual Perkhidmatan Bulan Oktober 2022**

	LOKASI 1	LOKASI 2	LOKASI 3
<b>Minggu Pertama</b>	Sabtu (1.10.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PA SERI PULAU PINANG
	Ahad (2.10.2022)	PPR BERINGIN	PPR PUDU ULU
<b>Minggu Kedua</b>	Sabtu (8.10.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4AB
	Ahad (9.10.2022)	PPR PEKAN BATU	PPR SERI MALAYSIA
<b>Minggu Ketiga</b>	Sabtu (15.10.2022)	PPR SERI AMAN	PA SERI SABAH 2A
	Ahad (16.10.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN
<b>Minggu Keempat</b>	Sabtu (22.10.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4C
	Ahad (24.10.2022)	PA PEKAN BATU	PPR DESA REJANG
<b>Minggu Kelima</b>	Sabtu (29.10.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN
	Ahad (30.10.2022)	PA SERI PULAU PINANG	PPR SERI TIOMAN

Note: Waktu operasi bagi setiap lokasi adalah bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.00 petang

\*Terbatas kepada perhakian dari semasa ke semasa

# Mahadi lancar tiga buku sempena Sambutan Jubli Emas DBKL

**D**ATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah telah melancarkan tiga buah buku bagi menyempurnakan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.

Tiga buah buku tersebut mengisahkan 1001 pengalaman, pencapaian, peristiwa dan suka duka DBKL sepanjang 50 tahun yang lalu, sejak dari awal penubuhannya hingga kini.

Menurut Mahadi, sebanyak tiga buah buku telah diterbitkan sempena sambutan ini iaitu buku Evolusi Kuala Lumpur, Sungai Nadi Kehidupan: Sekilas Pandang dan Pengembalaan Si Cilik ke Kuala Lumpur.

"Buku Evolusi Kuala Lumpur merupakan satu koleksi penceritaan daripada mantan-mantan pengurusan tertinggi DBKL yang sudi berkongsi pengalaman mereka sepanjang berkhidmat.

"Saya percaya, nukilan seperti ini tidak ternilai harganya sebagai satu rekod sejarah dan juga sumber rujukan dan pemangkin kepada semangat generasi muda yang menjadi pelapis pimpinan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pada masa akan datang dan menjadi saksi kepada perjalanan Kuala Lumpur dari sebuah kota yang sederhana ke sebuah metropolis bertaraf dunia pada hari ini,"



MAHADI (kiri) menunjukkan buku 'Pengembalaan Si Cilik Ke Kuala Lumpur selepas melancarkan tiga buah buku dan Kapsul Masa Jubli Intan Bandar Raya Kuala Lumpur.'

katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku dan Kapsul Masa Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Pustaka KL @TTDI pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Ismadi Sakirin.

Turut hadir, bekas Ketua Pengarah DBKL, Datuk Seri Noordin Abd Razak, bekas Timbalan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Lau Lee Ching, bekas Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi, Datuk Anwar Mohd Zain dan bekas Pengarah

Eksekutif Perancangan Nurazizi Mokhtar.

Mahadi berkata buku yang bertajuk Sungai Nadi Kehidupan: Sekilas Pandang ini telah merakamkan usaha gigih DBKL mengubah sungai ini menjadi tepian air yang bersih, segar, indah dilihat dan dinikmati serta penuh dengan pelbagai aktiviti komuniti.

"Projek Sungai Nadi Kehidupan atau lebih dikenali sebagai *River of Life Project* (RoL) ini telahpun mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang dinobatkan sebagai 10 kawasan *waterfront* terbaik di dunia oleh majalah The

Independent UK," katanya.

Mahadi berkata, buku ketiga yang bertajuk Pengembalaan Si Cilik Ke Kuala Lumpur ini mengandungi 10 buah cerita berilustrasi ini menggambarkan suasana kehidupan di bandar raya Kuala Lumpur yang sukar dilupakan dan harus diraikan.

Menurut Mahadi, selain daripada penerbitan buku-buku sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur, DBKL turut melancarkan kapsul masa bagi mengabadikan kenangan, usaha dan memori istimewa sepanjang sambutan Jubli Emas untuk tatapan warga kota Kuala Lumpur pada masa akan datang.

"Kapsul ini akan dibuka oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 1 Februari 2047, bersempena Sambutan Jubli Intan Bandar Raya Kuala Lumpur kelak.

"Saya akan menulik sepuak surat kepada Datuk Bandar pada tahun 2047, melalui kapsul ini dan saya amat berharap agar visi DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni, sejahtera, inklusif, neutral karbon menjelang tahun 2050 akan tercapai pada waktu tersebut," katanya.

Kapsul masa tersebut akan diletakkan di lobi Menara 1 DBKL, Jalan Raja Laut. **WK**

## Pembangunan harta tanah pelancongan: PL pelawa pelabur hantar RFP

**PERBADANAN** Labuan (PL) mempelawa pelabur tempatan dan asing untuk menghantar Cadangan Pelaburan (RFP) terhadap 16 asset harta tanah miliknya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata antara 16 asset pajakan membabitkan 10 asset destinasi pelancongan iaitu Pulau Papan, Hotel Labuan, Bangunan Pasar Lama A, Kompleks Hab Halal Labuan, lot tanah

terbiar bersebelahan Pasar Lama B.

Menurutnya, aset lain adalah tanah perindustrian (3.5 hektar dan 1.306 hektar) di lot 11362 dan 11364 tanah terbiar di Jalan Okk Abdullah, tanah terbiar berdekatan Jalan Tuanku Shariff Kedah dan tanah terbiar di Teluk Victoria.

Manakala bagi asset baharu tujuan pajakan adalah Terminal Feri Antarabangsa Labuan, satu lot tanah terbiar berdekatan SJK (C) Chi

Wen, tanah terbiar bersebelahan bangunan Pasar Lama C, Kelab Golf Antarabangsa Labuan (LIGC) dan tanah terbiar bersebelahan serta tanah terbiar berhadapan Jalan Tuanku Shariff Kedah.

Sehubungan itu, beliau berkata, iklan tawaran bagi pajakan dan sewa harta tanah milik PL itu akan dibuka mulai 3 Oktober sehingga 4 Disember ini.

"Tindakan pajakan 16 asset itu adalah dalam tempoh 20 dan 30 tahun adalah untuk tujuan komersial seperti pembangunan serta pelancongan.

"Kita mahukan ekonomi Labuan menjadi mantap yang menyokong kegiatan ekonomi dan mengalakkkan lagi jaminan ekonomi serta penyertaan masyarakat dalam sektor tenaga kerja," katanya. **WK**

## CERITA KEDAI KOPITIAM

### Segera mohon lesen niaga

**BERNIAGA** di Kuala Lumpur tanpa lesen? Pastinya ini satu kesalahan kerana tidak menepati syarat berniaga yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tindakan tegas boleh diambil terhadap peniaga terlibat.

Namun 'esok masih ada bagimu' bagi para peniaga apabila DBKL memberi perluan kepada mereka mendapatkan lesen niaga sebelum 31 Disember ini, seperti diumumkan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, baru-baru ini. Masih ada banyak waktu untuk memohon. Jadi jangan sia-siakan peluang diberi.

Pada Disember ini juga Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) yang diperkenalkan bagi membantu orang ramai menceburi perniagaan kecil-kecilan di lokasi pilihan, juga akan tamat tempoh.

Skim ini banyak membantu mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19 mencari rezeki setelah kehilangan kerja lantaran syarikat tempat kerja ditutup kerana tidak mampu lagi menampung pekerja. Gejala pandemik

melumpuhkan perniagaan mereka.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi percaya, seperti yang beberapa kali berlaku sebelum ini, kemungkinan IWBB akan disambung semula untuk tempoh enam bulan lagi. Ini kerana skim ini terbukti banyak membantu peniaga meneruskan kelangsungan hidup.

Pihak kementerian dan DBKL memahami keperluan peniaga atau peniaga kecil serta pengusaha trak makanan (*food truck*) mencari rezeki ketika ekonomi sedang bergerak kembali ke arah pemuliharaan selepas terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Namun peraturan mesti dipatuhi.

Lesen perlu untuk membolehkan DBKL memantau peniaga berdaftar dan memberi bantuan jika perlu. Pada masa sama untuk memastikan syarat pemberian lesen dipatuhi. Misalnya menjaga kebersihan persekitaran tempat berniaga, tidak membuang sampah sesua hati dan tidak mengganggu pergerakan orang ramai.

Seperti disebut Jalaluddin, sehingga tarikh akhir 31 Disember, DBKL tidak akan menjalankan tindakan penguatkuasaan kepada peniaga tidak berlesen. Justeru pintu terbuka untuk peniaga yang layak untuk memohon.

Selaras itu tindakan pemutihan akan dilakukan. Pihak DBKL tidak lagi akan berkompromi. Kepada yang masih degil bersedia lah menghadapi tindakan dan jangan menyalahkan pihak berkuasa.

Bukan itu sahaja. Tidak mustahil mereka yang ingkar ini akan disenarai hitam. Pada masa hadapan jika memohon lesen tidak lagi dilayan. Akhirnya siapa yang terpaksa menanggung akibat kedegan sendiri?

Oleh itu nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada para peniaga dan penjaja yang masih belum ada lesen, segeralah memohon sementara peluang masih terbuka. Jangan sampai terlambat sehingga 'tiada esok bagimu'.

### Teliti baiki jalan rosak

**SUDAH** kerap dilaporkan mengenai kemalangan menimpah pengguna jalan raya akibat jalan rosak seperti berlopak atau mendap. Jalan rosak seperti ini risikonya terlalu tinggi terhadap pengguna terutama penunggang motosikal sehingga menyebabkan kecederaan parah atau hilang nyawa.

Pengguna jalan selalunya tidak sedar ada lopak atau lubang terutama jika pada waktu malam. Atau tidak sempat mengelak apabila sudah terlalu hampir. Mereka sangka jalan yang dilalui licin dan selamat tanpa menyedari perangkap lubang. Bila terlanggar, penunggang jatuh terpelanting mengakibatkan kecederaan atau kematian.

Jalan rosak, berlopak dan berlubang tidak harus wujud di ibu kota Kuala Lumpur. Jalan

di seluruh ibu negara sepatutnya dijaga dan diselenggara sebaik mungkin demi keselesaan dan keselamatan pengguna.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedar pihak DBKL memang sentiasa berusaha sebaik mungkin memperbaiki jalan yang rosak, atau menampal jalan berlopak dan berlubang.

Namun kerana kawasan ibu negara yang luas, kadang kala proses memperbaiki mengambil masa kerana kekangan kakitangan serta kelewat maklumat. Kerana itu orang ramai wajar membantu DBKL dengan menyulurkan maklumat bagi membolehkan tindakan segera diambil.

Namun satu lagi perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah terdapat kerja pembentukan atau penampalan jalan ini tidak dilakukan dengan kemas. Misalnya tempat lubang ditampal tidak diratakan dengan baik agar permukaan sama rata dengan jalan sedia ada.

Ini menyebabkan lubang yang ditampal itu tinggi rendah berbanding jalan asal. Keadaan ini berbahaya kepada pengguna kerana jika paras tampalan lebih tinggi maka permukaan jalan jadi benjol. Jika terlanggar boleh menyebabkan kenderaan hilang kawalan.

Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak DBKL bukan sahaja memastikan jalan rosak diperbaiki tetapi baikilah dengan sebaik-baiknya. Keselamatan pengguna jalan hendaklah sentiasa menjadi perkiraan utama.

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwkt@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@yayasanwp.org.my

PENAJA UTAMA



# PETRONAS GRAND PRIX OF MALAYSIA 2022

21 - 23 OKTOBER

# WILDCARD Moto3™

Syarifuddin Azman




DAPATKAN TIKET ANDA SEKARANG!

NO	KATEGORI TIKET	MYKAD (RM)	HARGA (RM)
1	Premier Seat	575.00	638.00
2	Main Grandstand	309.00	343.00
3	K1 Grandstand	182.00	202.00
4	C2 Hillstand	83.00	92.00

- Harga tiket adalah termasuk 25% cukai Hiburan.
- PARKIR PERCUMA - Terhad dan berdasarkan kaedah siapa cepat dia dapat.
- Kanak-kanak di bawah umur 2 tahun boleh masuk secara percuma tanpa tempat duduk yang diperuntukkan. Tempat duduk hanya akan diperuntukkan untuk pembeli tiket sahaja.
- Tempat duduk bebas di semua kawasan. Bahagian tertentu dikhaskan sebagai bahagian persendirian.
- Untuk Terma dan Syarat, sila layari [www.sepangcircuit.com](http://www.sepangcircuit.com)

## LOKASI TIKET



#WelcomeHome

/ SEPANGCIRCUIT.COM / @sepangcircuit /



# Terkenang Panggung Drama



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**S**ETIAP kali menyusuri Jalan Tun H. S Lee yang di hujungnya ada pejabat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah Persekutuan, ingatan silam saya kembali terjungkir pada awal dekad 1980-an.

Ketika itu saya baru sahaja berkelana di Kuala Lumpur dan di bangunan itulah tempat bertemu kawan-kawan yang sebahagian besarnya penggiat teater dan seniman jalanan.

Lebih sepuluh tahun sejak 1984, bangunan asal yang tidak secantik sekarang itu menjadi antara tempat saya menimba ilmu dan pengalaman dalam kehidupan khususnya dunia teater.

Banyak pengalaman berguna yang dikutip daripada beberapa tokoh antaranya Allahyarham Khalid Salleh, Mior Hashim Manap, Allahyarham Latif Arif dan banyak lagi.

Sekalipun agak kusam kerana dimakan usia, bangunan tinggalan penjajah British itu dianggap sebagai sebuah institusi yang menjadi pusat pembangunan seni dan budaya. Banyak pelakon yang besar lagi hebat dilahirkan daripada bangunan berkenaan. Itulah Panggung Drama yang dulunya dijadikan tempat latihan dan pementasan teater marhaen di Kuala Lumpur.

Panggung Drama menjadi tempat saya mengisi masa terluang cuti mingguan. Selebihnya kerap singgah selepas pulang dari tempat kerja di Utusan Melayu. Hampir setiap malam ada sahaja aktiviti latihan dan keadaannya amat menyeronokkan.

Yang menariknya tentang Panggung Drama adalah bukan sekadar tempat pementasan atau latihan. Panggung Drama melangkau sebagai institusi seni dan budaya. Di Panggung Drama yang sangat klasik itu bercambahnya ilmu dan apresiasi dalam seni dan sosiobudaya.

Saya antara kelompok anak muda yang mencari rezeki di Kuala Lumpur sejak awal dekad 1980-an dan berterusan hingga sekarang.

Kegiatan seni dan budaya sudah menjadi suatu yang paling menonjol dalam kehidupan saya dan rakan-rakan yang lain. Ketika itu Kuala Lumpur semarak dengan



PEJABAT JKKN Wilayah Persekutuan yang dulunya dijadikan Panggung Drama pada tahun 1970-an hingga akhir 1990-an. - Gambar ihsan JKKN

nuansa seni yang sentiasa menyalia – terutama teater dan puisi.

Itulah antara yang membuatkan saya berasa cukup senang berada di Panggung Drama. Di situ penggiat teater berbual dan berdebat tentang pelbagai perkara – daripada politik kafir mengkafir, perihal buku hingga teater. Di situ juga tempat melempas otak (*brainstorming*) teater yang bakal dipentaskan kemudian dibedah siasat (*post-mortem*) sesudah dipentaskan.

Generasi penggiat teater waktu itu memberikan reaksi yang melampaui acuan sosial semasa. Dalam persekitaran remaja yang dikepung idealisme muzik rock, mereka meletuskan idea yang lebih ke depan. Bangunan kolonial itu menjadi premis yang menantang, menyatu dan menyelongkar impian besar yang terpancar daripada anak-anak muda berkenaan.

Panggung Drama adalah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan digunakan sebagai pusat kegiatan seni dan budaya. Sumbangan bangunan itu pada pembangunan teater melampaui keadaannya yang usang.

Saya sendiri, pada setiap Rabu pukul 8 malam saya mengikuti kursus teater pimpinan Allahyarham Mustafa Noor yang baru pulang dari pengajian teater di Amerika Syarikat. Saya agak bertuah kerana yuran kursus yang berlangsung lebih dua tahun itu ditanggung sepenuhnya oleh Utusan Melayu.

Antara peserta kursus yang bersama-sama saya adalah pelakon Saharuddin Thamby, penyair dan tokoh syair Roslan Madun,

pelakon Nasir Bilal Khan, pelakon Rosnah Mat Aris, pelakon Amir Hamzah Salleh (ND Lala) dan pengarah filem Ismail Yaacob serta beberapa orang lagi. Bagaimanapun ketika itu mereka bukan siapa-siapa, hanya ada nama tetapi belum ternama.

Sebenarnya Panggung Drama sudah wujud sejak tahun 1970-an lagi. Cuma pada dekad 1980-an dan 1990-an saya menjadi sebahagian daripada warganya dan melihat perkembangan yang berlaku di depan mata. Saya menonton hampir semua teater di situ sebelum ditutup kerana keadaannya uzur akhir 1990-an kemudian terbakar pada 26 Julai 1999.

Bangunan Panggung Drama dibaik pulih dan pada 2005 dijadikan pejabat JKKN Wilayah Persekutuan. Bangunan asal dikekalkan dan ditambah dua blok lagi dengan reka bentuk yang hampir sama.

Antara kumpulan yang aktif di Panggung Drama adalah Grup Teater Kreatif (Mior Hashim Manap), Drama Centre (Mustaffa Noor), Kumpulan Teater Utama (KTU), Kumpulan Artis Penjurur Alam (APA) pimpinan Latiff Arif, Kumpulan Teater Hidayah pimpinan Kamarul AR, Kelab Teater Kuala Lumpur dan Grup Teater Angka pimpinan pelakon Zulkifli Ismail.

Secara sejarahnya bangunan itu bermula sebagai sekolah lelaki aliran Ingeris, Victoria Institution yang mengambil nama Queen Victoria. Bangunan yang menggunakan seni bina Victorian English Cottage itu yang diilhamkan oleh arkitek Inggeris,

**“Sebenarnya Panggung Drama sudah wujud sejak tahun 1970-an lagi. Cuma pada dekad 1980-an dan 1990-an saya menjadi sebahagian daripada warganya dan melihat perkembangan yang berlaku di depan mata. Saya menonton hampir semua teater di situ sebelum ditutup kerana keadaannya uzur akhir 1990-an kemudian terbakar pada 26 Julai 1999.**

A.C Norman tahun 1893.

Perletakan batu asas pembinaannya pada 14 Ogos 1893 disempurnakan oleh Lady William Hood Treacher, isteri kepada Sir William Hood Treacher, Residen British di Selangor. Penubuhan sekolah ini tercusus atas kesedaran perlunya sekolah aliran Inggeris di Kuala Lumpur yang setanding dengan Raffles Institution di Singapura.

Pembinaan Victoria Institution ini menelan belanja \$21,000, menggunakan lebihan sumbangan orang ramai untuk perayaan jubli emas Queen Victoria 1887. Sultan Abdul Samad turut menyumbang \$1,100, begitu juga taikun Cina, Yap Kwan Seng dan Loke Yew serta taikun India, Tamboosamy menyumbangkan \$1,100 setiap seorang.

Pada 1929 selepas banjir besar melanda Kuala Lumpur, Victoria Institution dipindahkan ke Bukit Petaling kerana kawasan yang luas untuk menampung pertambahan pelajar.

Pada 1950-an, bangunan itu digunakan oleh Maktab Teknik Kuala Lumpur. Selepas itu dijadikan Street High School sebelum dipindahkan di Staphak dan dikenali sebagai Setapak High School.

Pada hakikatnya Panggung Drama melampaui tempat latihan dan pementasan. Malah berperanan membentuk sebuah masyarakat teater yang besar dan dinamik di Kuala Lumpur.

Masa yang sama menjadi institusi tidak rasmi dalam

pembangunan sosial generasi muda. Dalam konteks kita, Panggung Drama adalah Taman Ismail Marzuki (TIM) yang sangat dikenali sebagai pusat kegiatan kesenian dan kebudayaan di Jakarta.

Inilah sumbangan besar DBKL dalam membangun dan mengaktifkan kegiatan teater pada dekad-dekad berkenaan. Hal ini kerana masalah besar dalam kegiatan teater di Kuala Lumpur ialah ruang latihan dan tempat pementasan. DBKL tampil menghulurkan sumbangan. Tentunya perkiraan peneraju DBKL waktu itu bukanlah pulangan material tetapi pembangunan sosial warganya.

Panggung Drama telah membuktikan sumbangan dalam pembangunan seni persembahan khususnya teater di Kuala Lumpur. Oleh hal yang demikian, kerajaan perlu mewujudkan tempat yang berperanan seperti Panggung Drama dekad 1980-an. Di Kuala Lumpur sudah tidak ada tempat seperti itu.



## KOTA DALAM HUJAN

Hujan di tubuh kota mengapungkan pencarian mata direndam penantian hanyut tersadi bersama bimbang.

Dalam hujan ada kasih.

Dalam hujan siang seekor kucing hilang mimpiya berdiri di celah-celah tiang sambil menampi percikan bersama secangkir doa. bersama sejambak rahsia.

Dalam hujan malam jalan-jalan menjadi laut ikan-ikan kota berenang sese kali dihanyutkan oleh angin yang terbang awan yang berperang.

Hujan di lantai kota ada waktunya membasuh luka langkah menjadi bayang-bayang yang panjang dan terbuang menjadi rumusan dan kesimpulan.

Dalam hujan ada cinta.

**Solihin Osman**  
*Dangau Seni, Kangar.*

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Semarakkan sektor pelancongan

**J**IKA ada yang beranggapan sektor pelancongan dan yang berkaitan dengannya hanya sebahagian kecil daripada aktiviti ekonomi negara, ia tidak tepat. Sektor tersebut memainkan peranan besar dalam pertumbuhan ekonomi serta memberi sumbangan signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Malah sektor tersebut adalah di antara majikan terbesar dalam negara serta menyediakan banyak peluang pekerjaan, sama ada di pusat-pusat pelancongan, hotel, agensi pelancongan dan pengembaran (*travel and tours*), pengangkutan pelancongan dan sebagainya.

Kerana itu pelancongan domestik dan antarabangsa sentiasa menjadi perhatian utama. Pergerakan pelancong dalam negeri dan kedatangan pelancong luar negara sangat penting sebagai penggerak sektor pelancongan keseluruhannya.

Bagaimana pun serangan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyaksikan ekonomi terjejas teruk. Sektor pelancongan terkena tempias dan lumpuh.

Tiada aktiviti pelancongan dalam negeri, tiada kedatangan pelancong luar untuk tempoh dua tahun. Sektor tersebut malap dan gelap.

Ibu kota Kuala Lumpur yang sentiasa jadi tarikan pelancong dalam dan luar negara, sepi dan suram. Begitulah juga keadaan di Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya dan Pulau Bebas Cukai Labuan. Pelancongan seluruh negara merasai getir pandemik COVID-19.

Disebabkan banyak syarikat pelancongan terjejas teruk, banyak yang gulung tikar kerana tidak dapat menyerap kerugian. Dalam proses itu, ramai pula pekerja terpaksa dibuang kerana syarikat tidak mampu lagi menanggung mereka dalam keadaan tidak ada pendapatan.

Situasi ini secara tidak langsung menimbulkan gejala sosioekonomi kerana secara mendadak ramai menjadi penganggur, hilang sumber pendapatan.

Bukan mudah mencari kerja lain dalam keadaan ekonomi yang merudum pada fasa pandemik COVID-19 itu. Pihak kerajaan sendiri banyak memberi bantuan untuk meringankan beban rakyat yang terkesan.

Setelah negara memasuki fasa endemik April lalu, usaha membangunkan sektor ekonomi giat dijalankan. Adi percaya ramai dapat merasakan bahawa pertumbuhan ekonomi kini berkembang rancak dalam usaha mengembalikan sektor tersebut kepada kedudukan sebelum pandemik.



**PIHAK kerajaan dan sektor swasta mestilah bekerjasama erat untuk menarik lebih ramai pelancong luar ke ibu kota.**

Dengan perkembangan ini, peluang pekerjaan semakin banyak terbuka untuk menyerap mereka yang telah kehilangan kerja, atau tenaga kerja baharu yang memasuki pasaran.

Sektor pelancongan tidak terkecuali dengan kerancakan ekonomi ini. Usaha dilakukan untuk kembali meletakkan sektor tersebut ke puncak kecemerlangan seperti dahulu. Banyak yang 'hilang' akibat pandemik COVID-19 perlu ditebus semula.

Yang menanggung rugi mahu bangun semula. Yang sudah berkubur pun ada yang berusaha kembali beroperasi lantaran jaminan kerajaan tidak akan ada lagi PKP atau penutupan sektor ekonomi. Ini menanam keyakinan di kalangan pengusaha untuk turut kembali merancakkan industri.

Bagaimanapun pemulihan sektor pelancongan bukan serta-merta kembali kepada keadaan sebelum pandemik. Bagi Adi ini dapat difahami kerana kesan teruk yang telah ditanggung akan mengambil masa untuk

pulih sepenuhnya. Yang penting biar perlahan tetapi pasti.

Malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga menjangka pemulihan sepenuhnya sektor pelancongan dunia akan hanya dicapai sepenuhnya menjelang tahun 2024.

Walaupun kini jumlah pelancong kian ramai, ia masih belum mencapai tahap yang boleh memastikan industri pelancongan terus mantap.

Namun Adi percaya dengan usaha yang dilakukan oleh mereka yang terlibat dalam sektor tersebut, sektor pelancongan akan kembali kukuh. Dalam hubungan ini, kerajaan juga boleh membantu dengan melaksanakan pelbagai insentif menggalakkan pertumbuhan industri.

Misalnya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan sektor swasta mesti bekerjasama erat dalam menarik lebih ramai pelancong luar memandangkan mereka ini adalah sumber pendapatan utama.

## SKETSA



**“Adi rasa aspek ini perlu diberi perhatian agar pelancong tempatan tidak berasa mereka tidak diberi keistimewaan berbanding pelancong luar. Adi harap jika ini berlaku, ia wajar dihentikan. Pelancong luar dan dalam negeri hendaklah sama-sama diberi layanan sama rata dan setiap sumbangan mereka dihargai.”**

Namun begitu, pelancong tempatan tidak harus dilupakan kerana mereka juga penting dalam mencorakkan pertumbuhan sektor pelancongan. Insentif melancong dalam negeri mesti diberi sementara pengusaha pelancongan mesti menyediakan perkhidmatan yang memuaskan serta memenuhi cita rasa pelancong tempatan.

Adi rasa aspek ini perlu diberi perhatian agar pelancong tempatan tidak berasa mereka tidak diberi keistimewaan berbanding pelancong luar. Adi harap jika ini berlaku, ia wajar dihentikan. Pelancong luar dan dalam negeri hendaklah sama-sama diberi layanan sama rata dan setiap sumbangan mereka dihargai.

Dalam pada itu usaha menarik pelancong dari negara luar perlu diperhebat. Selama ini ramai yang datang ke negara ini adalah dari China, India, Eropah dan Timur Tengah. Mungkin usaha boleh dibuat menarik pelancong dari Afrika, Amerika Syarikat, Amerika Selatan dan lain-lain.

Optimis terhadap pertumbuhan sektor pelancongan, kerajaan telah mengkaji semula kedatangan pelancong tahun ini dengan sasaran 9.2 juta dengan anggaran pendapatan RM26.8 bilion, berbanding sasaran awal hanya 4.5 juta pelancong. Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Pelancongan Seni dan Kebudayaan, Datuk Seri Nancy Shukri.

Sehingga Julai tahun ini, jumlah pelancong ke negara ini ialah 3.21 juta, dengan pendapatan RM9.35 bilion dicatatkan. Pelancong paling ramai dari lima negara, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, China dan Filipina.

Namun angka ini masih jauh dibandingkan dengan sebelum pandemik. Menurut laporan, pada 2018 sejumlah 25.83 pelancong luar datang ke negara ini dengan jumlah pendapatan RM84.1 bilion. Angka ini meningkat kepada 26.1 juta pelancong pada 2019 dengan pendapatan

RM86.1 bilion.

Serangan COVID-19 pada 2020 menyaksikan kemerosotan pelancong hanya 4.7 juta dan hasil pendapatan hanya RM12.7 bilion. Tahun lepas keadaan semakin parah dengan hanya 134,728 kedatangan pelancongan dicatatkan dan pendapatan RM238.73 juta.

Berdasarkan angka ini, Adi percaya orang ramai dapat melihat sendiri betapa besarnya kesan pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan. Kerana itu meneliti kemasukan pelancong sehingga Julai seperti yang Adi sebut di atas, jelas menampakk sektor ini sedang merangkak naik dengan agak pantas. Diharap trend ini akan berterusan secara konsisten.

Kita berharap sektor pelancongan kembali mantap bukan hanya untuk kebaikan sektor itu sendiri tetapi juga untuk negara dan mereka yang bergantung kepada sektor itu sebagai sumber pendapatan.

Pelancongan adalah antara sektor terbesar menyediakan peluang pekerjaan. Dianggarkan 25 peratus daripada jumlah tenaga kerja di negara ini adalah dalam sektor tersebut.

Selain itu, sumbangannya kepada negara juga besar. Pada tahun 2019 ia menyumbang kepada 6.7 peratus KDNK. Tetapi perhatikan apa yang berlaku pada 2020 apabila COVID-19 melanda. Sumbangan kepada KDNK merudum kepada dua peratus sahaja.

Justeru Adi berharap rakyat akan sama-sama membantu memulihkan sektor pelancongan. Pergilah ke mana-mana destinasi dalam negara dan berbelanja. Subur sektor tersebut bererti subur ekonomi negara. Hasilnya akan kembali kepada kita dalam pelbagai bentuk pembangunan atau bantuan kepada rakyat.

**Adi—Melandong segarkan minda**

*Adi Taib*

## SAJAK

### SAJAK PENDEK TENTANG (BAHAGIA) KITA

(Tentu letusan nikmat terasa [bahagia] bila keduanya bersatu dalam mulut kita) celupan biskut cap ping pong ke dalam kopi o cap gantang - kerana bahagia bagi kita hanya sesederhana itu. croissant dicelup cafe au lait, sedapnya di mulut orang lain, sedapnya tidak menjangkau nikmat selera, sedapnya tidak tercapai jelira di lidah kita.

**Ibnu Din Assingkiri**  
Simpang Ampat, Pulau Pinang

Anak tiga tahun derita kanser otak tahap 4

# Ibu terharu terima Bantuan Khas YWP

HAZIRAH HALIM

**I**BU kepada kanak-kanak yang menderita kanser otak tahap 4, Nur Arfa Mikayla Abdul Hadi, 3, sebak sebaik menerima Bantuan Khas Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berupa baki makanan dan wang tunai, baru-baru ini.

**Nur Sakiela Mat Sukur**, 27, berkata bantuan tersebut sekurang-kurangnya dapat meringankan beban suaminya yang bekerja sebagai pengimbal besi dengan pendapatan hanya RM 1,500 sebulan.

"Alhamdulillah, permohonan saya kepada Parlimen Batu yang dikelolakan Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Batu, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim mendapat perhatian.



NUR SAKIELA

"Bantuan ini datang tepat ketika kami sangat memerlukan wang bagi menampung kos perjalanan berulang-alik ke hospital memandangkan gaji suami tidak mencukupi," ujarnya kepada **Wilayahku**.

Berkongsi tentang anak sulungnya itu, dia berkata Nur Arfa disahkan menghidap penyakit tersebut pada Ogos lalu dan kini baru sahaja menjalani rawatan kimoterapi yang pertama di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Mula-mula dia demam sahaja tetapi kesihatannya mula merosot sehingga tidak boleh bercakap, menangis lebih satu jam serta berjalan terhuyung-hayang. Waktu itu, saya terus bawa dia ke hospital.

"Hasil keputusan saringan, doktor mengesahkan anak saya mengalami kanser otak tahap 4 pada 26 Ogos lalu dan saya



NUR Sakiela (dua kanan) ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini. Turut kelihatan Nur Arfa (tiga dari kanan).

diberitahu keadaannya sukar untuk sembuh sekali gus dia disahkan sebagai orang kurang upaya (OKU)," ujarnya menahan sebak.

Sementara itu, Gulam Mustakim berkata, pihaknya akan terus berusaha membantu keluarga tersebut yang dalam kesempitan hidup selain perlu mencari wang

bagi menanggung kos perubatan Nur Arfa.

"Kita akan cuba bantu sebaik mungkin selain sedang berusaha menyegerakan proses permohonan bantuan rumah melalui Skim Baiti Jannati YWP memandangkan rumah yang didiami mereka sekarang begitu daif," ujarnya men-

## Elak jadi mangsa scammer, hubungi khidmat pelanggan SPWP

DEEL ANJER

**MENYEDARI** kepentingan penyampaian maklumat yang sah, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) sentiasa memantapkan bahagian khidmat pelanggan yang menjadi pengantar syarikat dan masyarakat.

Untuk itu, SPWP yang juga anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berharap orang ramai sentiasa bertanya jika terdapat sebarang keraguan agar memperolehi maklumat yang tepat.

Pembantu Khidmat Pelanggan SPWP, **Murny Zahira Mahdzir**, 23, mengakui tidak semua maklumat tentang SPWP ada dalam laman sesawang YWP namun jika ingin mengetahui lebih lanjut mereka boleh terus menelefon ke bahagian khidmat pelanggan.

"Selalunya di web maklumat atas sahaja yang ada. Kalau pelanggan nak tanya lebih mendalam misalnya

pasal rumah yang diuruskan oleh SPWP dan sebagainya, memang kena buat panggilan.

"Setiap pelanggan hadapi masalah yang berbeza. Ada juga yang mendapat maklumat palsu daripada pihak yang cuba menipu atau mengambil kesempatan. Tambah pula, sekarang banyak isu *scammer*.

"Kita semua tahu, *scammer* ni akan cuba memperdaya dari segala sudut yang boleh menguntungkan mereka. Nasihat saya, segera hubungi kami jika ada apa-apa kemusyikilan jangan mudah percaya."

"Kadang-kadang bukan semua pelanggan suka bertanya melalui telefon. Ramai juga yang lebih senang bersemuka. Walau apa pun SPWP mengalu-alukan orang ramaikan untuk hadir bertemu kami," katanya lagi.

Dalam masa yang sama, dia juga mengakui bukan mudah untuk berurusan dengan pelanggan lebih-lebih lagi mereka yang panas



MURNY (kanan) memberikan informasi terkini berkaitan produk SPWP kepada pelanggan.

baran namun ia berjaya ditangani dengan penuh sabar dan berhemah.

"Mungkin orang nampak mudah apabila berurusan dengan orang luar. Sebenarnya ada cabarannya tersendiri. Kadang-kadang mood mereka tak baik apatah lagi bila banyak kekeliruan yang timbul."

"Kadang-kadang kena marah dengan pelanggan sedangkan kami sambut dengan senyuman. Tapi apapun setiap pekerjaan ada dugaan tersendiri. Demi syarikat, saya puas dapat sampaikan maklumat yang sah," ujarnya yang mengendalikan semua panggilan telefon. **WK**

## Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: **yayasanwp**

## 40 kanak-kanak 1 Razak Mansion terima bantuan persekolahan

SABRINA SABRE

**BIARPUN** sudah memasuki sesi pertengahan persekolahan, namun ia tidak menghalang Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion untuk mengagihkan sumbangan berupa bantuan persekolahan bagi tahun 2022.

Bantuan yang diberikan kepada lebih 40 orang kanak-kanak yang juga merupakan penduduk di kawasan tersebut merupakan program julung kali diadakan bagi menyentik semangat mereka dalam meneruskan sesi pembelajaran.

Menurut Pengurus Persatuan

Penduduk 1 Razak Mansion, **Norazizul Abdul Aziz**, ia adalah salah satu cara untuk memberi aspirasi kepada mereka supaya sentiasa fokus untuk menimba ilmu.

"Saya dapat lihat dengan jelas kegembiraan yang terpancar di wajah setiap penerima sejurus menerima bantuan tersebut," ujar beliau yang berharap majlis seperti itu dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang.

Terdahulu, Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan tersebut disempurnakan oleh Megat Zulhazmi Megat Abdullah Rafaie mewakili Ahli Lembaga

Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Seri Zainal Abidin Mohd Rafique.

"Saya juga ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa persatuan yang terlibat membantu memastikan majlis ini berjalan dengan lancar."

"Diharapkan kerjasama ini akan berterusan dan kita akan dapat terus membantu anak-anak di pangaspuri ini," katanya sejurus Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan baru-baru ini.

Pelbagai atur cara dirangka pada majlis itu selain penyampaian



KANAK-KANAK teruja bergambar dengan beg sekolah yang diterima.

bantuan antaranya sesi ceramah motivasi dan keibubapaan untuk para ibu bapa dan anak-anak yang hadir pada hari tersebut. **WK**

## Info ADUAN

**DBKL**

Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**

Tel : 03-8887 7000



**Perbadanan Labuan**

Tel : 087-408600



**Wilayahku**

WhatsApp

: 011-5958 7489

**REALITI KEHIDUPAN**



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & JASAMU DIKENANG

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BERSAMA JABATAN/AGENSI

*“Prestasi Ulung, Bakti Disanjung”*





FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN  
AINI MAWAWI

**B**UDAYA kerja yang cemerlang merupakan asas penting dalam kejayaan masa hadapan sesebuah organisasi sekali gus membantu peningkatan produktiviti yang berkesan dan unggul.

Hal tersebut mampu dicapai sekiranya setiap warga kerja berjaya mempraktikkan etika kerja berkualiti bersama sifat integriti yang menyeluruh dalam setiap tugas yang telah diamanahkan.

Pun begitu, kikitangan yang tulus melaksanakan tanggung-jawab sebaik mungkin tersebut perlu diberi ganjaran sebagai

menjadi pembakar semangat untuk terus mempersembahkan hasil kerja yang terbaik.

Untuk itu, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan medan menghargai kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan penuh integriti, berdedikasi, ikhlas dan sentiasa mendukung nilai murni dan profesionalisme.

Terbaru, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) meraikan 76 warga kerja dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Kementerian & Agensi Tahun 2020 dan 2021.

Pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu, menyaksikan 49 penerima APC dari KWP iaitu 25 penerima untuk 2020 dan 24 penerima untuk 2021. Semen-tara sera-mai 22 lagi

merupakan penerima APC 2021 dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, dua penerima dari Perbadanan Kampong Bharu serta tiga dari Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

Tidak ketinggalan juga, majlis tersebut turut meraikan 22 orang pegawai yang telah dan akan bersara pada tahun 2021 serta 2022.

Terdahulu, Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** hadir menyampaikan APC berkenaan.

Hadir sama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan ketua-ketua agensi.

Ketika berucap pada majlis itu, Shahidan berkata selaku penjawat awam, kikitangan tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian kerana ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam hari demi hari semakin tinggi.

“Keadaan ini sudah tentunya mendesak kita membuat pembaharuan yang berterusan. Ini bagi memastikan kita sentiasa dan terus relevan, responsif, berkesan serta ke hadapan dalam memenuhi

harapan Keluarga Malaysia,” ujar beliau.

Shahidan turut menyeru kakitangan agar terus memberikan perkhidmatan terbaik buat Keluarga Malaysia dengan memastikan jentera kerajaan bergerak dengan berkesan, melaksanakan dasar dan menjayakan setiap aspirasi yang disusun kerajaan.

“Besarlah harapan saya agar pengiktirafan yang diberikan ini dapatlah menjadi pendorong dan pembakar semangat untuk terus meningkatkan kecemerlangan pada masa akan datang, seterusnya menjadi mentor terbaik kepada rakan sekerja.

“Kekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan teruskanlah mendokong usaha kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat,” ujar beliau lagi. **WK**



DATUK SERI DR SHAHIDAN KASSIM



DATUK Seri Rosida Jaafar menyampaikan ucapan aluan.

# APC pemungkin kecemerlangan KWP



BEHSAMA JABATAN/AGENSI

*“Prestasi Ulung, Bakti Disanjung”*



ANTARA penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KWP dan agensi yang diadakan di PICC Putrajaya.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyampaikan sijil penghargaan kepada warga kerja KWP yang telah dan akan bersara pada tahun ini.

# Pemimpin hebat lahir kakitangan dedikasi

**M**EMILIKI seorang ketua yang hebat merupakan satu rezeki yang tidak ternilai kerana ia dapat mewujudkan persekitaran pekerjaan lebih harmoni sekali gus melahirkan kakitangan yang berdedikasi.

Mengakui hal tersebut, salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Tharmaraj A/L Sundran berkata dia bersyukur mendapat ketua yang sangat memahami dan menjaga kebaikan kakitangan.

"Sejurnya saya baru sahaja berkhidmat di sini dan tidak menyangka akan menerima APC dalam masa yang singkat. Saya

sangat terharu kerana 10 tahun saya menanti untuk berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan.

"Penantian tersebut sangat berbaloi dan ia memberi saya semangat untuk menjadi pekerja cemerlang. Saya akui anugerah ini membuatkan saya menghargai pekerjaan ini kerana ia adalah sesuatu yang sukar untuk saya perolehi," ujarnya yang pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Penerangan.

Sementara itu menurut Helya Maizureen Hashim pula, APC



SHAHIDAN Kassim turut menyampaikan sijil penghargaan tanda terima kasih kepada ketua-ketua agensi yang mewakili kontinjen perbarisan KWP pada Hari Kebangsaan lepas.

rakan baik yang mana mereka merupakan tulang belakang saya selama ini," katanya ketika ditemui Wilayahku.

Bekas Pegawai Undang-Undang KWP, Zawiyah Saad berkata anugerah yang diterima begitu bermakna dan akan berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang walau di mana sekalipun dia berkhidmat.

"Alhamdulillah syukur. Terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Ketua Setiausaha KWP di atas perhargaan ini," ujarnya yang mengakui ia merupakan APC kali kedua sepanjang perkhidmatannya.

Bagi Lilydiana Mohd Noor pula, jutaan terima kasih diucapkan kepada Setiausaha Bahagian Kewangan KWP, Suziliyana Hanan Zanudin kerana memberi kepercayaan kepadanya sepanjang berada di KWP pada tahun 2020/2021.

"Sebenarnya saya sangat terkejut sebab tempoh berkhidmat di KWP tidak lama namun dengan anugerah yang diterima akan menjadi pemangkin untuk berjuang dalam kerjaya," ujarnya. WK





# Noh meludah kerana renjatan elektrik



DEEL ANJER

**K**ECOH apabila penyanyi Noh Salleh meludah di atas pentas ketika membuat persembahan di Koncert Hausboom Music 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Ramai yang mengkritik vokalis kumpulan Hujan itu tanpa mengetahui sebab atau alasan dia berbuat demikian.

Memang nampak biadap

apabila meludah di atas pentas, tapi pengurus Hujan, Ahmad Ariffin Ahmad, tampil menceritakan hal sebenar.

Menurutnya berlaku beberapa masalah teknikal yang didakwa menjelaskan persembahan Noh di pentas.

Renjatan elektrik daripada mikrofon yang menyentuh wajah dibasahi peluh hingga mulut kebas, didakwa punca penyanyi, Noh Salleh meludah.

"Noh sepatutnya tampil dengan gitar. Namun, disebabkan masalah teknikal, dia terpaksa menyanyi

tanpa memetik gitar.  
"Pada masa sama, mikrofon dipegang mengalami masalah. Ketika meletakkan mikrofon berhampiran mulutnya, Noh terkena sedikit renjatan elektrik.

"Ini terhasil kerana wajahnya dibasahi peluh dan air menyebabkan mulutnya kebas. Bagi mengalih rasa sakit, Noh secara spontan meludah di atas pentas. Dakwaan konon Noh meludah ke arah penonton tidak benar.

"Jarak antara pentas dan penonton juga dipisahkan besi penghadang, jadi tidak mungkin



AKSI menunjukkan Noh meludah di atas pentas mendapat kritikan ramai.

(ludah) terkena penonton. Lagi pun Noh tunduk," ujarnya.

Sebelum ini, Noh menimbulkan

kekecohan apabila tampil dengan sebatang rokok di pentas Minggu Fesyen Kuala Lumpur (KLFW). **WK**

## Gambar Lee Min-Ho, Siti Nurhaliza kenangan manis buat peminat

**PELBAGAI** reaksi timbul dalam kalangan peminat apabila bintang nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza berkongsi fotonya bersama aktor popular Korea Selatan Lee Min-Ho.

Malah gambar swafoto yang dimuat naik pelantun lagu Aku Bidadari Syurgamu itu turut tular dalam media sosial seperti *Instagram* dan *Twitter* selepas peminat global Min-ho mengulang siar foto berkenaan.

Boleh dikatakan, gambar itu menjadi kenangan manis buat para peminat kedua-dua selebriti popular itu.

Bukan hanya peminat, Siti turut teruja dengan kehadiran Min-Ho dan mengambil peluang 'wefie' sempena penganjuran Koncert Cuckoo Appreci8th di Axiata Arena, baru-baru ini.

Kedua-dua bintang ternama ini digabungkan atas 'tiket' sebagai duta kepada jenama Cuckoo.



Kata Siti, dia enggan melepaskan peluang bergambar dengan aktor itu ketika sama-sama berada di atas pentas meskipun timbul kerisauan kerana tidak dibenarkan berbuat demikian.

"Kisahnya memang di luar pentas, kawalan sangat ketat untuk artis antarabangsa seperti Lee Min-Ho. Kena ikut setiap perancangan yang telah ditetapkan oleh pengurusan dia.

"Tak boleh ambil gambar selain menggunakan jurufoto rasmi. Tapi bila di atas pentas, saya tak nak lepaskan peluang keemasan," kongsinya di *Instagram*.

Disebabkan terlalu teruja, Siti memberanikan diri meminta izin kepada Ketua Pegawai Eksekutif Cuckoo, KC Hoe untuk bergambar dengan

Min-ho.

"Encik KC Hoe kata boleh. Dalam hati saya kata, kalau pengawal dia naik, saya dah bersedia nak buka silat Mat Kilau. Apa lagi, peluang keemasan depan mata. Saya senyum pada Min-ho ajak selfie, sekali dia setuju lah.

"Terus jari saya sepantas kilat tekan tak berhenti. Okeylah, pengawal tak naik pentas. Misi berjaya," ujarnya.



## Remp-it angkat lagenda sukan permotoran

**FILEM** Remp-it pernah mencetuskan fenomena tersendiri pada tahun 2006. Kini, setelah 16 tahun ia kembali dengan nafas dan aksi terbaru melalui Remp-it 2.

Merupakan sambungan dari Remp-it (2006) namun, dengan kecanggihan teknologi penggambaran sekarang, semua aksi perlumba dilakukan di siang hari.

Penonton dapat menyaksikan aksi perlumba tersebut dengan lebih jelas. Remp-it 2 juga mengetengahkan pelbagai jenis motosikal dari pelbagai kategori termasuk motosikal biasa seperti Y15, RS, RXZ, 12Z, motorcross, cub prix sehinggalah ke superbike.

FJK Film menujukan filem ini kepada lagenda-lagenda sukan permotoran Malaysia yang telah banyak mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Perjuangan mereka tanpa mengenal erti jemu dan sanggup mempertaruhkan keselamatan dan nyawa mereka sendiri.

Remp-it 2 merupakan salah satu usaha untuk melahirkan pelumba-pelumba yang mampu mengharumkan nama negara dalam arena permotoran.

Ia diterbitkan dan diarahkan oleh Farid Kamil selain bertindak sebagai pelakon utama di samping barisan pelakon seperti Cat Farish, Julia Hana, Izzue Islam, Nizam Zaidi, Farez Ridzwan, Shiha Zikir, Chiwan Chilok, Mamak Puteh, Rudy GTB, Gabit Saleh,

Shahkimin serta penampilan sulung Muhammad Kamil a.k.a Che Mad yang berjaya memberikan mutu lakonan yang meyakinkan pada usia 7 tahun.

Penggambaran yang dilakukan selama 55 hari di lokasi-lokasi yang dipilih seperti Ulu Choh Johor, Melaka, Gong Badak Terengganu, Sungai Lembing Pahang, serta sekitar Lembah Klang termasuk Litar Antarabangsa Sepang bersesuaian dengan jalan cerita.

Untuk itu, kepada semua peminat dunia permotoran, nantikan Remp-it 2 di pawagam 24 November 2022 ini.



## Berkat beri anjing makan, Faiz Aizif kini bergelar penyanyi



**PEMPENGARUH** digital menerusi platform TikTok yang terkenal kerana amal kebajikan memberi anjing makan, **Faiz Aizif** kini bergelar penyanyi.

Faiz Aizif atau nama sebenarnya Muhammad Faiz Basirun, 20, tular kerana sering memberi anjing jalanan makan di

tepi pantai Pulau Langkawi, hingga dia digelar CEO Anjing.

Dia tidak kisah dengan gelaran tersebut tidak menyangka dengan video memberi anjing makan, peluangnya untuk melangkah ke bidang seni suara terbuka.

Namun dia mengakui dirinya berbeza dengan pempengaruh lain yang menjadikan populariti sebagai

batu loncatan untuk merakam lagu dan seterusnya bergelar penyanyi rakaman.

"Saya sudah menyanyi sejak di sekolah rendah lagi. Dari orang belum kenal saya sebagai CEO Anjing, TikTok ke, memang saya dah menyanyi dari zaman sekolah lagi."

"Sebelum ini, saya pernah jadi penyanyi latar untuk Bintang Kecil

RTM, mungkin sebelum ini orang tak tahu yang saya menyanyi.

"Bila dah terlibat dalam dunia media sosial ini, kadang-kadang tu teringin nak ada lagu. Nak ada single sendiri, macam first baby. Saya terdetik nak buat lagu solo katanya yang diitemui sewaktu penggambaran video muzik single pertamanya, Khilaf, di sebuah banglo di Ampang Jaya, baru-baru ini."

# Subsidi tidak bersasar - jauh panggang dari api



**DR MOHD ZAIDI  
MD ZABRI**

**D**ATA terbaru dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan kadar inflasi negara masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan.

Indeks Harga Pengguna (CPI) meningkat kepada 4.4 peratus pada Julai 2022 berbanding Julai 2021. Peningkatan CPI ini didorong sebahagian besarnya oleh kenaikan harga makanan.

Di samping itu, peningkatan kadar inflasi itu juga lebih tinggi berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Jun 2022.

Bukan itu sahaja, firma penyelidikan Kenanga Research turut menjangkakan negara akan terus merekodkan kadar inflasi yang tinggi dalam beberapa bulan mendatang disebabkan oleh penurunan berterusan nilai ringgit.

Justeru, kerajaan telah menetapkan harga siling bagi beberapa barang kepenggunaan terpilih termasuklah petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi meringankan beban rakyat.

Sebagai contoh, peruntukan bagi subsidi minyak masak berpaket pada tahun ini ialah sebanyak RM4 bilion. Untuk rekod, peruntukan subsidi minyak masak tahun ini adalah lapan kali ganda tinggi berbanding peruntukan pada 2020 (RM500 juta) serta hampir dua kali ganda berbanding peruntukan pada 2021 (RM2.2 bilion).

Selain itu, menurut Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, jumlah besar bil subsidi dari 2018 hingga 2022 bagi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.4 bilion (2018), RM6.1 bilion (2019), RM1.6 bilion (2020) dan RM13.2 bilion (2021).



Manakala jumlah besar subsidi tahunan (termasuk pelbagai jenis bantuan kebajikan) bagi lima tahun lepas RM8.3 bilion (2018), RM7.3 bilion (2019), RM2.7 bilion (2020), RM16.5 bilion (2021) dan RM52 bilion (2022).

Dalam erti kata lain, dalam masa lima tahun sahaja, jumlah besar subsidi negara telah meningkat sebanyak enam kali ganda.

Soalan seterusnya, dari manakah kita memperoleh dana untuk membayai perbelanjaan subsidi negara? Jawapan ringkasnya ialah daripada kantung negara.

Meskipun begitu, tahukah anda bahawa sejak tahun 1998, belanjawan negara kita sentiasa mengalami deficit? Dalam kata lainnya, sejak suku abad yang lalu, perbelanjaan negara sentiasa melebihi pendapatan negara.

Soalan berikutnya, bagaimanakah negara 'menampung' defisit ini? Salah satu daripadanya ialah melalui hutang.

Kendatipun begitu, satu sisi yang jarang kita singkap terutama sekali seputar subsidi ialah 'kos melepas' (opportunity cost). Makna kata, disebabkan kita memilih satu peluang (membayai subsidi), kita terpaksa melepaskan peluang-peluang lain.

Setakat 2022, Kementerian Kewangan mengunjurkan keperluan subsidi negara sebanyak RM77.7 bilion. Sekiranya kita mengecualikan kesemua bentuk bantuan yang masih diperlukan rakyat seperti Bantuan Kebajikan Masyarakat dan Bantuan Keluarga Malaysia sebanyak RM25.7 bilion, peruntukan subsidi negara masih berbaki RM52 bilion.

Kendatipun begitu, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengeluarkan kenyataan bahawa 50 peratus daripada subsidi kerajaan telah dimanfaatkan oleh 'kategori orang berada'. Makna kata, negara kita telah mengalami ketirisan melalui mekanisme subsidi tidak bersasar sebanyak RM26 bilion.

Persoalan seterusnya, bagaimanakah caranya kita boleh memanfaatkan 'lebihan' peruntukan subsidi sebanyak RM26 bilion ini?

Sebagai misalan, pembinaan Hospital Pasir Gudang yang dijangkakan siap pada 2024 bakal menelan kos sebanyak RM472.5 juta.

Sekiranya kita memanfaatkan untuk pembinaan sebuah hospital misalnya, kita mampu membina sebanyak 55 buah hospital daerah baharu (RM26 bilion/RM472.5 juta). Atau bersamaan dengan empat buah hospital daerah baharu di setiap

negeri di Malaysia ini.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM5.03 bilion melalui Belanjawan 2022. Di mana hampir separuh daripadanya (RM2.17 bilion) diperuntukkan untuk pengubahaian dan penaiktarafan institusi di bawah tanggungjawab KPM dan program pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak.

Kita gunakan contoh kos pembinaan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi, Semenyih, Selangor yang menelan belanja sebanyak RM20.7 juta.

Melalui mekanisme pemberian subsidi yang lebih tuntas, kita boleh membina sebanyak 1,256 buah sekolah rendah baharu (RM26 bilion/RM20.7 juta). Makna kata, melalui ketirisan subsidi negara berjumlah RM26 bilion, kita boleh membina sebanyak 89 bangunan sekolah rendah baharu bagi setiap negeri di Malaysia.

Bukan itu sahaja, sekiranya kita melaksanakan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi keseluruhan murid sekolah rendah iaitu 2,74,837 orang (setakat 2020), jumlahnya besarnya masih belum mencecah RM10 bilion (RM8.23 bilion).

Untuk makluman, semakan kali terakhir kadar RMT ialah pada tujuh tahun lalu. Rentetan kenaikan harga barang yang mendadak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mencadangkan supaya kadar RMT bagi murid dinaikkan kepada RM4 daripada RM2.50 di Semenanjung Malaysia dan RM5 daripada RM3 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Bahkan, dengan mengambil kira cadangan KKM dan menaikkan kadar RMT tersebut kepada RM5 bagi setiap murid, ketirisan rentetan pemberian subsidi tidak bersasar sebanyak RM26 bilion tersebut masih mampu menanggung program RMT percuma

bagi setiap murid sekolah rendah di negara ini bagi tempoh dua tahun! Iaitu pada kadar RM13.71 bilion setahun.

Selain itu, program RMT sebegini juga bakal mengatasi masalah kebantuan seperti yang digariskan dalam makalah ringkas terbitan UNICEF bertajuk 'Menangani Krisis Pemakanan Malaysia Selepas COVID-19: Masa Untuk Perlindungan Sosial Berfokuskan Nutrisi' pada November 2020.

Malahan, menurut UNICEF, kadar kekurangan zat makanan di Malaysia dalam kalangan kanak-kanak berkemungkinan diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19 akibat penggantian program pemberian makanan di sekolah sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pendeknya, terdapat keperluan yang begitu mendesak untuk menyasarkan subsidi secepat dan setuntas mungkin.

Sebagai langkah jangka masa pendek misalnya, kita boleh memanfaatkan mekanisme pindahan tunai melalui pangkalan data sedia ada seperti Bantuan Keluarga Malaysia. Selain itu, bantuan bersasar ini seelochnya diberikan secara bulanan dan bukannya secara sekali beri.

Manakala dalam jangka masa sederhana dan panjang, kita boleh memanfaatkan aplikasi sedia ada seperti MySejahtera dengan mempacang fitur kupon makanan untuk membeli minyak masak bersubsidi.

Bak pepatah orang Asal Amerika, 'kita tidak mewarisi Bumi daripada nenek moyang kita; kita hanya meminjamnya daripada anak-anak kita.'

**Penulis merupakan Dr Mohd Zaidi Md Zabri ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di zaidizabri@um.edu.my**

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	<b>RM7,500</b>
HALF PAGE		26cm X 17cm	<b>RM5,500</b>
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	<b>RM4,500</b>

PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	<b>RM4,500</b>
-----------------------	--	------------	----------------

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px <b>RM1,500</b>
	HALF PAGE 350px X 500px <b>RM1,000</b>

**wilayah ku**  
MEDIA WARGA KOTA

**50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Kepada arah persekitaran tanpa kertas dengan borang digital pintar



HAZIRAH HALIM

**S**UATU masa dahulu memindahkan dokumen yang ditulis di atas helaian kertas ke dalam sistem agak merumitkan kerana perlu meluangkan banyak masa untuk menyalin kembali data dan maklumat.

Namun, kecanggihan teknologi yang semakin maju dari zaman ke zaman dan dengan kewujudan teknologi baharu iaitu *Smart e-Form* atau borang digital pintar membantu memudahkan urusan kabinet pejabat.

Ia diperkenalkan melalui sebuah organisasi yang tersenarai di papan utama Korea Selatan (KOSDAQ) iaitu FORCS, sebuah syarikat yang ditubuhkan sejak tahun 1995 dan mempunyai pengalaman selama 25 tahun.

Teknologi ini telah diperkenalkan di Malaysia oleh sebuah syarikat tempatan, Maiza Tech Sdn Bhd di Cyberjaya dan terbaharu ia telah dipromosikan secara langsung kepada masyarakat Malaysia menerusi Smart Nation Expo 2022 di MITEC, Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 September lalu.

Aplikasi ini mempunyai 130 bahasa termasuk bahasa Melayu ini menawarkan tiga produk utama iaitu OZ e-Form, OZ Report dan eformsign yang mana segala urusan menjadi mudah, cepat dan teliti apabila ia tidak lagi membabitkan urusan atas kertas (*paperless*).

Berkongsi lebih lanjut mengenai teknologi OZ e-Form, Pengarah Urusan merangkap Naib Presiden Global Sales FORCS di Singapura, **Mickey Park** berkata borang ini menggantikan borang berbentuk fizikal dan mengubahnya menjadi format *Microsoft Office* dan PDF seterusnya menjadi e-Form yang boleh diisi oleh pengguna melalui internet.

"E-Form boleh diguna pakai oleh peranti yang menggunakan HTML5, iPad, komputer dan telefon mudah alih yang menggunakan platform *Windows*, *iOS* dan *Android*. Semua data yang dimasukkan akan disimpan di dalam peranti lalu dimuat naik sebaik sahaja peranti mendapat sambungan internet.

"Ia juga mampu mengesahkan komponen input untuk memastikan semua maklumat kritis dikumpul dengan tepat selain berkemampuan memproses pengecaman Aksara Optik (*Optical Character Recognition*) dan pengimbasan kod QR untuk mempercepatkan pengisian borang.

"Sekiranya anda sedang berhubung bersama seseorang dan memerlukan audio tersebut, OZ e-Form juga mampu menyimpan input multimedia seperti rakaman suara atau foto sebagai bukti transaksi, cap masa (*time stamp*) dan geolokasi sebagai bukti ketulenan serta kesahihan e-Form yang lengkap," kongsinya kepada



WARTAWAN Wilayahku (kanan) bergambar bersama Pengarah Urusan FORCS Singapura, Mickey Park (kiri), Pengarah Pemasaran dan Jualan, Collin Koh (dua kiri) dan Pengarah Urusan Mizatech Sdn Bhd, Mohd Ali Berkhat Ali (tengah) selepas sesi temu ramah di Smart Nation Expo 2022, MITEC, Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Wilayahku.

Tambahnya, OZ e-Form disimpan dalam bentuk XML dengan saiz fail yang lebih kecil berbanding borang dalam format lain iaitu imej atau PDF. Sememangnya teknologi ini dapat mengelakkan berlakunya kehilangan fail, tempat penyimpanan penuh dan sebagainya.

Sementara itu, Pengarah Jualan FORCS di Singapura, Collin Koh yang menyatakan borang ini bukan sahaja dapat menjimatkan kertas tetapi dapat membantu mereka meningkatkan proses perniagaan atau perkongsian dengan hanya memasukkan nama, e-mel, tandatangan seterusnya maklumat yang ingin dipesan akan diterima oleh syarikat.

"Jika dahulu, selepas sahaja berurusan saya perlu duduk lama di pejabat atau sesuatu tempat sehingga lewat malam hanya untuk memasukkan kembali data yang ingin dihantar tetapi dengan e-Form ia menjadi mudah."

"Borang dan dokumen yang dihasilkan dalam bentuk digital oleh Smart e-Form ini juga boleh diguna pakai sebagai dokumen yang sah dari segi proses perundangan apabila tandatangan digital dimasukkan ke dalam borang digital.

"Walau bagaimanapun, saya berasa teruja apabila e-Form mendapat penerimaan yang baik daripada masyarakat Malaysia sepanjang di MITEC dan berharap lebih banyak syarikat akan beralih ke teknologi ini," katanya.

Untuk maklumat lanjut, *Smart e-Form* boleh dilayari di laman web [www.maizatech.com.my/product/digital-transformation](http://www.maizatech.com.my/product/digital-transformation) dan sekiranya terdapat keperluan untuk peembentangan tentang *Smart e-Form*, pihak Maiza Tech Sdn Bhd boleh dihubungi melalui laman web [www.maizatech.com.my](http://www.maizatech.com.my) atau e-mel [support@maizatech.com.my](mailto:support@maizatech.com.my).

## PERKENAL DUA PRODUK BAHARU


FORCS juga turut memperkenalkan dua produk teknologi baharunya iaitu OZ report dan eformsign.

"OZ report adalah aplikasi pelaporan berdasarkan web yang menyokong keseluruhan kitaran hayat perniagaan daripada pengedaran kepada operasi dan kebanyakan laporan perniagaan yang dihasilkan seperti papan pemuka, kad skor dan

Carta Gantt menjadi mudah dengan aplikasi ini.

"Buat anda yang tidak mahir dalam membuat coding, laporan dapat dihasilkan dengan amat mudah dengan hanya mengimport fail Excel atau Word dalam OZ report manakala, eformsign adalah perkhidmatan Software as a Service (SaaS) yang sesuai digunakan oleh mana-mana pelayar web yang menyokong sistem HTML5.

"Pelbagai komponen input



seperti kotak semak, butang radio, medan teks, berbilang baris, kotak kombo, pemilihan tarikh dan masa, tandatangan, kamera, perakam suara dan banyak lagi dapat dihasilkan.

"Dengan eformsign, fungsi tandatangan elektronik boleh mengikat secara sah untuk sesiapa sahaja menandatangi dan meluluskan dokumen. Borang yang telah dihantar pula boleh dimuat turun dalam format PDF dan data input yang tersedia dalam bentuk format CSV untuk diimport ke sistem lain," jelasnya yang turut memberitahu pemindahan data dilakukan melalui Transport Layer Security (TLS).

Dalam pada itu, potensi penggunaan untuk aplikasi ini adalah badan-badan kerajaan dan kerajaan tempatan seperti Dewan Bandaraya dan Majlis-Majlis Perbandaran, Kementerian yang terlibat terus dalam mengeluarkan kelulusan seperti lesen dan sijil selepas permohonan dibuat secara atas talian menggunakan borang ini.

"Sebagai contoh, proses permohonan lesen yang telah diluluskan boleh dikeluarkan dalam bentuk digital seperti kod QR dan kemudian boleh dicetak sendiri oleh pemohon beserta kod keselamatan.

"Aplikasi ini telah pun digunakan dengan meluas oleh kebanyakan bank di Korea Selatan. Dua buah bank utama di Vietnam juga telah menggunakan aplikasi ini dan turut diikuti cawangan di luar negara.

"Hampir 20 buah negara telah menggunakan aplikasi ini dengan lebih dari 100 buah syarikat telah mendapat manfaat dari kelebihan *Smart e-Form* ini," jelasnya. **W.K**

# Bajet 2023: Tiga cadangan peruntukan untuk belia



DR DIANA ABDUL WAHAB

**B**ELIA merupakan ejen utama untuk pembangunan negara mampam, perubahan sosial, pertumbuhan ekonomi dan inovasi teknologi. Komposisi penduduk di Malaysia menunjukkan belia (15 – 40 tahun) mewakili lebih kurang separuh dari jumlah penduduk. Belia merupakan sumber tenaga yang penting bagi masyarakat negara ini kerana mereka mempunyai semangat juang, daya cipta yang tinggi, dan dengan sahsiah yang mantap mereka ini mampu menjamin pembangunan negara yang lebih kukuh.

Melihat kepada Bajet 2022 yang lepas, secara umumnya memfokuskan kesejahteraan rakyat, membina daya tahan perniagaan akibat dari impak pandemik dan pewujudan ekonomi yang makmur dan mampam. Bajet 2022 merupakan peruntukan terbesar di dalam sejarah negara, di mana RM 23 billion sahaja diperuntukkan bagi menangani COVID-19.

Manfaat dari Bajet 2022 kepada belia termasuklah inisiatif Perantisiswa di mana kerajaan memberikan tablet kepada pelajar B40, inisiatif e-pemula yang menjadi pemangkin perniagaan atas talian, inisiatif JaminKerja iaitu insentif penggajian dan usaha mengambil pekerja rentan, inisiatif padanan caruman PERKESO kepada pekerja sektor informal, dan pemberian geran pendigitalan



BAJET 2023 diharapkan dapat memperkasakan TVET sebagai pilihan pengajian yang diterima umum.

PKS bagi membantu meningkatkan perniagaan secara atas talian. Di bawah Pakej Rangsangan, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) telah berjaya menghasilkan lebih 5,000 usahawan belia khususnya dari kalangan graduan. Secara rumusan, teras utama Bajet 2022 menyentuh aspek terpenting belia seperti pewujudan pekerjaan, peningkatan kemahiran, latihan dan program pembiayaan usahawan. Namun begitu, adakah peruntukan yang diberikan kepada belia telah pun mencapai matlamatnya? Apakah yang kita boleh cadangkan untuk diperuntukkan kepada belia pada Bajet 2023?

Pertama, boleh dikatakan

masalah terbesar di kalangan belia adalah kekurangan peluang pekerjaan. Kita jangan lihat pada kadar pengangguran sahaja, tetapi kita juga kena lihat masalah *over-education* di mana, sebagai contoh, graduan kejuruteran tetapi bekerja di dalam ekonomi gig yang tidak memerlukan kelayakan yang dimiliki oleh graduan tersebut. Pelaburan masa, tenaga, dan kewangan graduan tersebut selama tiga hingga empat tahun di universiti untuk mendapatkan kemahiran itu tidak dapat dimanfaatkan. Contoh ini merupakan masalah *mismatch* (tidak sepadan) yang semakin berleluasa di kalangan belia masa kini. Di manakah lompong dalam

pasaran kerja yang menyebabkan banyak berlaku *over-education* di mana graduan mengambil peluang pekerjaan yang sepatutnya diambil oleh non-graduan, dan peluang non-graduan untuk mendapatkan pekerjaan menjadi semakin tipis. Keadaan ini mencapai ke paras membimbangkan apabila golongan remaja sekolah tidak lagi ingin menyambung pelajaran ke universiti untuk mengelakkkan hutang pendidikan dan ketidaaan jaminan pekerjaan yang sesuai.

Selain itu *over-education*, isu gaji minimum masih perlu diberi perhatian. Adakah belia kita malas sedangkan ramai belia tempatan yang sanggup bekerja di sektor 3D (*dirty, dangerous, demeaning*) di negara luar seperti mengutip sampah di Singapura, memetik buah di Australia, mahupun mencuci tandas di United Kingdom.

Kalau kita cuba fahami mengapa mereka sanggup berhijrah ke negara luar untuk bekerja di dalam sektor ini, jawapannya satu – gaji. Jika kita mampu berikan gaji bermaruah kepada belia tempatan, saya pasti ramai yang sanggup bekerja di sektor pertanian. Kita tidak mahu lambakan pekerja asing atas alasan sukar untuk mencari warga tempatan untuk mengisi kekosongan pekerjaan. Ini merupakan alasan sesetengah majikan yang memanipulasi pekerja asing dengan memberikan gaji yang terlalu rendah. Warga asing mempunyai daya tahan yang tinggi kerana mereka ditindas lebih teruk di negara sendiri, namun begitu perkara ini tidak boleh diteruskan sehingga anak tempatan hilang

pekerjaan disebabkan sikap tamak sebahagian majikan. Pekerja asing yang kita patut panggil adalah mereka yang berkemahiran tinggi supaya kemahiran itu mengalir ke dalam negara dan membantu meningkatkan pembangunan, pekerja tempatan juga boleh belajar kemahiran yang dibawa dari negara luar.

Ketiga, melibatkan pemerkasaan TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) dalam pendidikan. Jika kita ingin meningkatkan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara, pelabur asing melihat kepada kemahiran dan kecekapan teknikal tenaga kerja tempatan. Kita perlu ada sekumpulan pekerja mahir dan salah satu caranya adalah pemerkasaan TVET. Untuk mencapai matlamat ini banyak lagi yang harus dilakukan. Antaranya, kita perlu ubah persepsi masyarakat bahawa TVET ini hanya untuk pelajar kelas belakang, jadi persepsi ini perlu diubah sehingga masyarakat faham ada sebahagian yang mempunyai kecenderungan untuk kemahiran teknikal, sebahagian yang lain akademik. Negara kita memerlukan kedua-dua kemahiran ini. Oleh itu adalah diharapkan di dalam Bajet 2023 kerajaan memperkasakan dan mempromosikan TVET sebagai pilihan pengajian yang diterima umum.

**PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Ekonomi dan Statistik Gunaan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di diana.abdwahab@um.edu.my.**

## Idea Bina Negara terima lebih 12,000 suara anak muda Malaysia

**PLATFROM** digital Idea Bina Negara (IBN) yang membolehkan golongan belia mengemukakan idea dan inspirasi ke arah pembangunan negara telah menerima lebih 12,000 pandangan daripada anak muda seluruh negara.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** berkata beliau amat berbesar hati kerana penyumbang idea terbesar adalah dalam kalangan belia berusia lingkungan 18 hingga 21 tahun iaitu sebanyak 57.9 peratus.

"Dalam usaha memperkuatkannya semangat Keluarga Malaysia, kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap belia dan anak muda dengan memastikan luahan suara mereka sentiasa didengari dan diberikan perhatian."

"Ini kerana anak-anak muda mempunyai idealisme yang sangat penting kerana mereka didekahkan idea-idea yang lebih



PERDANA MENTERI, DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB AMAT PRIHATIN DENGAN PANDANGAN YANG DISUARAKAN OLEH GOLONGAN MUDA.

progresif yang diperoleh melalui input internet sama ada dari dalam maupun luar negara," katanya pada Majlis Perasmian IBN 2022 di Universiti Teknologi Mara baru-baru ini.

Ismail Sabri berkata data dan maklumat yang diperoleh menerusi IBN itu akan membantu kerajaan dalam menyediakan inisiatif dan insentif yang bersesuaian untuk golongan anak

muda.

Beliau berkata kerajaan sememangnya memerlukan sokongan padu golongan belia dan anak muda untuk membangunkan Malaysia dan beliau percaya inisiatif platform digital IBN telah membuka ruang kepada seluruh anak muda untuk menyalurkan idea dan menyuarakan permasalahan kepada kerajaan.

"Saya yakin dengan mengambil cakna terhadap suara, solusi, dan aspirasi anak muda kepada kerajaan, kita mampu untuk bersama-sama menjayakan agenda besar pemuliharaan negara," kata beliau.

Ismail Sabri berkata analisis teks menggunakan teknologi kepintaran buatan menunjukkan idea yang diajukan melalui aplikasi IBN bersifat positif dan membina dengan sebanyak 12 peratus anak muda menyuarakan tentang isu politik dengan menyentuh aspek

kestabilan, prestasi kerajaan serta kualiti dan kematangan pemimpin.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata kerajaan amat prihatin terhadap isu peluang pekerjaan yang menghantui golongan anak muda masa kini dengan 46.2 peratus hanya memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM2,500 sebulan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk perantis lepasan sekolah dan graduan yang membentarkan majikan untuk menggaji pekerja berusia 18 hingga 30 tahun dengan menyediakan insentif berjumlah RM900 sebulan.

Beliau berkata kerajaan turut memperkenalkan pelan pembiayaan berjumlah RM150 juta yang disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional dan Agrobank khusus untuk golongan belia yang ingin menceburan bidang keusahawanan.

# Malaysia berjaya raih kerusi Ahli Majlis Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU)

**TAN SRI ANNUAR MUSA**

**M**ALAYSIA dipilih menduduki kerusi Ahli Majlis Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (International Telecommunication Union, ITU) dalam Persidangan Plenipotentiary 2022 untuk penggal 2023-2026.

Malaysia adalah salah satu negara anggota dari zon Asia dan Australasia yang bersaing merebut 13 tempat mewakili zon berkenaan. Lebih 180 negara seluruh dunia menghadiri sidang ITU.

Malaysia mendapat 147 undi daripada 180 undi dan menduduki tempat kelima teratas.

Keputusan semasa Persidangan Plenipotentiary 2022 yang bermula dari 26 September hingga 14 Oktober 2022 di Bucharest, Romania ini adalah satu penghormatan dan tanggungjawab kepada Malaysia selaku negara peneraju dalam bidang telekomunikasi dan ekonomi digital di rantau Asia Tenggara.

Kita mempunyai pemain industri yang berpengaruh di peringkat global dan kerajaan juga sentiasa komited untuk membentuk hubungan dua hala yang lebih kukuh dengan negara anggota ITU.

Kemenangan ini mencerminkan pengiktirafan Malaysia oleh ITU dan negara



anggotanya terhadap kerjasama Malaysia dalam bidang telekomunikasi dan ekonomi digital di seluruh dunia.

Saya optimis pengiktirafan ini mampu memperkuatkkan lagi perkembangan negara dalam bidang Telekomunikasi, dan ekonomi digital selari dengan hasrat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) di samping memelihara kepentingan negara dalam isu-isu global berkaitan jurang digital dan keselamatan siber.

Kejayaan ini adalah hasil usaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) dalam mendapatkan sokongan di peringkat antarabangsa.

Malaysia turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua negara anggota, rakan strategik serta penyedia rangkaian telekomunikasi di Malaysia.

Malaysia menjadi ahli ITU semenjak tahun 1958 dan kita sentiasa terlibat aktif menyertai pelbagai aktiviti negara anggota. Malah kita juga komited menyokong aspirasi ITU bagi mencipta kesalinghubungan yang lebih baik dan mampu memberi manfaat inovasi digital kepada masyarakat global dan Keluarga Malaysia.



ANNUAR ketika berucap pada Persidangan Plenipotentiary 2022 di Bucharest, Romania.

Harapan Malaysia sebagai Ahli Majlis yang bertanggungjawab dan komited adalah untuk terus bekerjasama dengan ITU dan rakan-rakan negara anggota untuk misi mewujudkan masyarakat berinformasi selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*), kawal selia jalur lebar serta urusan

berkaitan keselamatan rangkaian dan perkhidmatan teknologi maklumat serta komunikasi yang menjadi tumpuan pihak kerajaan dan sektor swasta di peringkat antarabangsa.

**PENULIS** merupakan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

## Deklarasi Bucharest untuk masa depan lebih baik

**MALAYSIA secara prinsipnya menyokong aspirasi Deklarasi Bucharest berkaitan 'Pembinaan Masa Depan Digital Yang Lebih Baik Untuk Semua' sekali gus mengesahkan komitmen kolektif negara terhadap ketersambungan sejagat dan transformasi digital yang mampu.**

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata telah menjadi keutamaan Malaysia untuk mempercepat penggunaan rangkaian yang mantap dan menyediakan negara bagi peralihan kepada ekonomi digital dan bagi mencapainya, telah mengisyiharkan komunikasi sebagai utiliti, sama seperti air dan elektrik.

"Kita juga telah melancarkan agenda nasional peringkat tinggi di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia Digital (MyDIGITAL) dan Jalinan Digital Nasional (JENDELA) bagi memastikan liputan dan kualiti jalur lebar untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, berteraskan digital dan peneraju serantau dalam ekonomi digital," katanya semasa sesi Meja Bulat Menteri di Persidangan Plenipotensiari Telekomunikasi Antarabangsa 2022 (ITU PP22) di Bucharest, Romania.

Bagaimanapun, Annuar berkata dalam memastikan akses sejagat serta penggunaan telekomunikasi dan ICT yang saksama serta inklusif ke arah transformasi digital untuk memperkasa rakyat, akses serta penggunaan digitalisasi bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terutamanya di negara membangun perlu ditangani.

"Oleh itu, sebahagian besar transformasi digital di Malaysia membabitkan penggunaan

e-dagang dan digitalisasi yang aktif oleh PMKS kita. Ekonomi digital adalah komponen utama kekuatan ekonomi Malaysia," jelasnya.

Ketika ini, ekonomi digital menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dijangka mencecah 25.5 peratus menjelang tahun 2025.

Tambah beliau, bagi memacu sumbangan ekonomi digital, kerajaan telah memperkenal Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang (NESR) 2.0 untuk memudah cara peluang digital rentas

sempadan yang mengutamakan penglibatan perniagaan tempatan dan PMKS dalam e-Dagang, yang menyasarkan 875,000 PMKS yang menggunakan e-Dagang menjelang 2025.

"Malaysia berpandangan bahawa ketersambungan sejagat dan transformasi digital mampu melangkuai pelaksanaan pembolehan infrastruktur serta teknologi.

"Kami komited untuk bekerjasama ke arah merealisasikan lima komitmen dan 10 prinsip utama yang digariskan dalam Deklarasi

Bucharest berkaitan Pembinaan Masa Depan Digital Yang Lebih Baik Untuk Semua," katanya.

Terdahulu, Annuar mengetuai delegasi Malaysia ke ITU PP22 di Bucharest, Romania yang bermula pada 26 September hingga 14 Oktober.

ITU PP22 yang menyaksikan penyertaan 181 negara adalah amat istimewa dan signifikan bagi negara kerana Malaysia akan melobi untuk menduduki kerusi dalam Majlis ITU di bawah Wilayah E (Asia dan Australasia) bagi penggal 2023-2026.



DELEGASI Malaysia diketuai Menteri K-KOMM, Tan Sri Annuar Musa di Persidangan ITU PP22 di Bucharest, Romania.



ANNUAR (tengah) bergambar bersama pemimpin utama telekomunikasi digital dunia.

# Bicara Tokoh@Muzium hargai jasa lagenda bola sepak negara Hassan Sani



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**M**UZIUM Labuan telah menganjurkan Program Bicara Tokoh@Muzium bersama seorang legenda bola sepak negara, Datuk Hassan Sani bagi menghargai jasa dan pengorbanannya dalam mengharumkan nama negara.

Pengarah Muzium Labuan, **Rohana Husin**, berkata anjuran itu diadakan bertujuan menghargai sumbangaan dan jasa pemain bola sepak negara yang telah banyak mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Selain itu, katanya program itu dapat memberi peluang kepada peminat sukan tanah air untuk mengenal dengan lebih dekat lagi tokoh sukan dan kegemilangan sejarah sukan bola sepak pada era tersebut.

"Program bicara bersama tokoh adalah program julung kali dianjurkan oleh muzium Labuan bersempena sambutan Hari Sukan Negara.

"Ini adalah satu inisiatif pihak Muzium bagi menghargai jasa dan pengorbanan atlet negara yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

"Selain bicara bersama tokoh, kita juga turut mengadakan pameran koleksi dan sesi bertemu peminat bersama tokoh legenda bola

sepak negara Datuk Hassan Sani," katanya kepada pemberita pada Program Bicara Tokoh@Muzium di Anggerik Square Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Terdahulu, Hassan Sani, 64, anak kelahiran Labuan merupakan bekas pemain bola sepak kebangsaan pada era 1970-an dan 1980-an yang lebih dikenali sebagai lipas kudung.

Beliau juga adalah tonggak utama pasukan kebangsaan telah berjaya membantu Malaysia melayakkan diri ke pertandingan bola sepak Olimpik Moscow pada tahun 1980 apabila pasukan Malaysia berjaya mengalahkan pasukan Korea Selatan pada pertandingan kelayakan Olimpik Bahagian Asia dengan keputusan 2-1. **WK**



HASSAN (tengah) merakamkan gambar bersama kakitangan Muzium Labuan pada Program Bicara Tokoh@ Muzium, pada Ahad lalu.

## SESB anjur perlawanan futsal bersama media, kukuh kerjasama



PASUKAN SESB (jersi kuning) bersama pasukan media Labuan (jersi merah) pada sesi bergambar pada perlawanan persahabatan futsal di antara SESB dan Media Labuan.

**SABAH** Electricity Sdn Bhd (SESB) telah menganjurkan perlawanan persahabatan bersama Persatuan Penggiat Media Labuan bagi mengukuhkan kerjasama di antara dua pihak.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Ir Ts Mohd Yaacob Jaafar**, pengajuran kali kedua itu merupakan satu inisiatif pihaknya dalam mengerakkan hubungan silaturahim bersama media.

"Bagi pihak SESB, kita berharap dengan pengajuran sukan seperti ini bersama pihak media dapat mengekalkan dan mengerakkan lagi hubungan yang telah terjalin diantara SESB dengan media.

"Selain itu, SESB turut berharap dengan hubungan baik ini pihak media di Labuan tersusun membantu dalam menyebarkan maklumat mengenai perancangan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak SESB," katanya pada perlawanan futsal persahabatan itu di Gelanggang Futsal Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Penggiat Media Labuan, Jainuddin Djimin.

Pada perlawanan itu telah menyaksikan kedua-dua pasukan menunjukkan aksi saingan sengit namun kedua-dua pasukan terikat dengan jumlah jaringan gol seri (5-5). **WK**

## Galeri Seni Labuan bakal dibuka pada Oktober tahun ini

**GALERI** Seni Labuan bakal dibuka pada penghujung Oktober tahun ini akan menjadi satu dasar mengetengahkan hasil karya kraftangan kitar semula di pulau itu.

Menurut Presiden Persatuan Seni dan Kebudayaan Labuan (PERSKALA), Natasha Sharena Idris, pembukaan galeri seni itu bakal memberi peluang kepada penggiat karya kraf tangan di pulau ini untuk mengetengahkan hasil kraf tangan mereka.

Katanya, dengan pembukaan balai seni itu juga mampu mengangkat hasil

karya kraf tangan ke peringkat yang lebih tinggi.

"Ini merupakan satu usaha inisiatif dari PERSKALA. Usaha membuka galeri ini mendapat sokongan penuh daripada Timbalan Menteri Pelancongan Malaysia, Datuk Seri Dr Santhara JP untuk meningkatkan taraf seni di Labuan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Natasha turut memaklumkan pihaknya telah bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha meningkatkan taraf

kehidupan rakyat Labuan dari segi kesenian dan kebudayaan.


"Satu kerjasama di antara PESKALA dan UPM akan dilaksanakan iaitu Program Komuniti Labuan yang bertajuk Program Transformasi Norma Baharu B40 Komuniti Bandar Labuan 'Waste to Wealth' yang diketuai oleh ketua projek Pensyarah Kanan UPM, Dr Irwan Syah Md Yusoff.

"Kita berharap dengan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada komuniti golongan b40 di pulau ini," katanya lagi. **WK**



PROFESSOR Madya Dr Mohd Nizam Osman (empat dari kiri) bersama Natasha (empat dari kanan) bersama wakil UPM dan PERSKALA ketika melawat tapak bangunan Galeri Seni Labuan.

## PERADUAN MEWARNA PM185



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

## CARA MENYERTAI:


1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM185".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **15 OKTOBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 187.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

## TEKA SILANG KATA SK185



## MELINTANG

1. Bersifat kelelakian
6. Sebak halus untuk membuat bedak
7. Berlawanan arah selatan
9. Anak Kepada
10. Keinginan kuat untuk mencapai cita-cita
12. Duduk bermunajat di dalam masjid

## KE BAWAH

1. Semangat yang mendorong seseorang
2. Dandanan rambut/tali yang pipih/nipis
3. Keras/kejang
4. Zat minyak daripada binatang/tumbuhan
5. Jalan cerita
8. Tunas/pucuk pada pokok
11. Barisan

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

## CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK185".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 OKTOBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 187.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

## BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 183

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM182:

ADAM MIRZA ABDUL MALIK  
(7 tahun)  
Dengkil, Selangor

ANIS SOLEHA MOHD SAIFUDDIN  
(12 tahun)  
Presint 18, Putrajaya

SYAFIQ HAIQAL SUIB  
(11 tahun)  
Sentul, Kuala Lumpur



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK82:

ZURAIDAH OTHMAN  
(39 tahun)  
Setiawangsa, Kuala Lumpur

ABDUL MALIK SAID  
(46 tahun)  
Dengkil, Selangor

NOR SURIANI ABD BASIR  
(51 tahun)  
Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur





## Jual 'bundle', modal RM300 kini pendapatan puluhan ribu sebulan



KHAIRUL IDIN

**S**EBUT sahaja kasut *bundle* ramai yang membayangkan kualiti yang teruk selain tidak bersih untuk dipakai kerana ia merupakan barang terpakai. Namun, persepsi tersebut semakin berubah memandangkan ia kini mempunyai tarikan tersendiri.

Menyedari tentang hal tersebut, **Mohd Zami Mazlan**, 28, mengambil peluang menjalankan perniagaan kasut *bundle* di Labuan sejak tahun 2018 menerusi kedai miliknya, Biskita Bundle.

Hanya bermodal RM300 pada awal bermula, Mohd Zami mengakui pelbagai cabaran pernah dilaluinya sebelum berada di tahap yang semakin selesa seperti hari ini.

"Saya mula mencuba bidang ini dengan bermula kasut *bundle* kanak-kanak. Ketika itu, saya hanya bermula menerusi platform media sosial sahaja dan adakalanya dalam sehari sepasang kasut pun tak berjaya terjual."

"Namun saya sabar dan berusaha untuk mempromosikan perniagaan ini supaya ramai yang sedar tentang kewujudannya. Tak dinafikan kadang-kadang saya rasa putus asa tetapi mujurlah keluarga dan rakan seperjuangan dalam bidang perniagaan banyak memberi sokongan," kongsinya kepada



MOHD ZAMI memegang kasut sambil bergambar dihadapan kedai miliknya, Biskita Bundle di Labuan.

*Wilayahku.*

Katanya lagi, dia terus diuji apabila negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang mana ketika itu kedainya terpaksa ditutup susulan negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bukan sahaja pendapatan yang terjejas malah saya juga turut menghadapi cabaran bagi mendapatkan kasut kerana aktiviti

jual beli yang terhad sekali gus saya perlu menunggu lebih lama untuk mendapatkan bekalan," ujarnya.

Kini, setelah mengharungi pelbagai cabaran dalam dunia perniagaan, dia tidak menyangka rezeki semakin murah dan mampu meraih pendapatan mencecah puluhan ribu ringgit dalam masa sebulan.

"Selain usaha dan kecekalan

untuk kekal dalam perniagaan ini, saya juga berterima kasih kepada orang ramai yang sentiasa menyokong perniagaan Biskita Bundle selama ini," ujarnya lagi.

### BANTU PELANGGAN SUSAH

SELAIN bermula, dia juga peka terhadap golongan yang tidak berkemampuan. Untuk itu, dia turut



menjual kasut *bundle* dengan harga mampu milik serendah RM5 bagi kasut gred C sehingga RM190 bagi kasut berkualiti.

"Sambil bermula saya juga ingin membantu pelanggan yang tidak berkemampuan untuk memiliki kasut idaman mereka. Alhamdulillah reaksi daripada pelanggan amat baik."

Berkongsi mengenai perkembangan perniagaannya, Zami berkata kini kedainya mempunyai lebih 30 jenama kasut *bundle* dari pelbagai gred terdiri daripada kasut sukan dan kasut kulit. **W.K**



Alamat: Biskita Bundle Store, Kiosk 13, Tingkat 1, Ujana Kewangan, Labuan

Facebook: [Biskita Bundle](#)

Telefon: [011-65658093](tel:011-65658093)

### REAKSI

**"KASUT** yang dijual di kedai Biskita Bundle amat berkualiti dan walaupun ia terpakai namun ia tetap kelihatan baru dan bergaya. Harganya pula sangat berpatutan."



**Zuraini Kachi**, 53  
Pelanggan

"**SAYA** mula meminati kasut *bundle* di sini apabila melihat gambar-gambar kasut di *Facebook* yang sangat menarik. Sebagai seorang pelajar harga yang berpatutan amat membantu kami."



**Muhammad Arij Alauddin Zuraini**, 13, Pelanggan

# Membudayakan sukan air dalam Keluarga Malaysia



DIANA AMIR

**KARNIVAL** Sukan Air Keluarga Malaysia Putrajaya 2022 yang melabuhkan tirainya pada Ahad lalu mencatat pengunjung seramai 7,000 orang sepanjang tiga hari penganjuran bermula 30 September sehingga 2 Oktober 2022.

Biarpun ia merupakan penganjuran kali pertama selepas pandemik COVID-19, namun ia tidak menghalang orang ramai untuk datang berikutan terdapat pelbagai aktiviti sampingan menarik berkoncepcion keluarga Malaysia.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komuniti & Sukan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Muhamad Zaidi Abdul Wahab** berkata, penganjurannya merupakan sebahagian daripada komponen di bawah Malaysia Recreation Sports Carnival (MyREC).

"Objektif utamanya adalah



MUHAMAD ZAIDI

untuk memupuk pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi penganjuran program serta aktiviti sukan air dan rekreasi," katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Katanya lagi, karnival tersebut menggabungkan beberapa komponen, disiplin dan aktiviti berbentuk pertandingan, sukanaka air, pameran dan sebagainya yang sesuai untuk mengisi masa lapang di hujung minggu.

"Karnival ini juga bersempena Hari Sukan Negara 2022 (HSN 2022) pada bulan ini. Untuk itu pelbagai aktiviti telah dirancang di sekitar Putrajaya dan karnival ini merupakan antara acara awal sebelum perasmianya yang akan diadakan pada esok (8 Oktober 2022)," ujarnya.

Terdahulu, sebanyak 25 acara dipertandingkan pada karnival tersebut yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu kayak, kanu dan perahu panjang (*dragon boat*) melibatkan seramai 1,000 orang peserta.

Dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya



ANTARA gelagat pengunjung yang menyertai acara sukanaka menangkap itik di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya baru-baru ini.

(PPj) dan Persatuan Kanu Malaysia (MASCA), ia turut disertai beberapa agensi lain antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kita dapat lihat acara sampingan begitu menarik pengunjung yang hadir antara yang menjadi pilihan

adalah aktiviti tangkap itik, meniti batang kelapa, pulul bantal, *battle log* dan sebagainya.

"Selain golongan dewasa, kanak-kanak juga tidak ketinggalan menyertai pelbagai acara yang disediakan seperti pertandingan mewarna, menyusun lego," ujarnya yang menyeru orang ramai untuk

memeriahkan pelbagai acara yang dirangka sempena HSN 2022.

Terdahulu, turut hadir pada majlis penutup karnival yang diadakan di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya antaranya Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh. **WK**

## 300 pasukan dicari bagi merebut gelaran Lake Warrior 2022

**PROGRAM** 'Putrajaya Lake and Wetland Explorace' (PLW Explorace) yang merupakan aktiviti riadah berteraskan ilmiah yang penuh informasi, padat dengan aksi kembali lagi pada 12 November 2022 di Taman Wetland, Putrajaya.

Merupakan edisi yang ke-8, menariknya kali ini ia turut memperkenalkan kategori terbuka bagi memberi peluang kepada lebih ramai peserta (bukan pelajar) untuk merasai keseronokan serta bersaing merebut gelaran *Lake Warrior* 2022.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Alam Sekitar Tasik dan Wetland, **Normaliza Noordin**, pendaftaran mula dibuka pada 4 Oktober lalu bagi mencari 300 pasukan untuk berentap dalam pertandingan berbentuk ekspedisi berkumpulan ini.

"Peserta akan mengharungi pengembalaan melebihi 10 kilometer (km) serta perlu menyiapkan 10 tugasan teknikal dan taktikal. Aktiviti ini menguji minda dan ketahanan fizikal selain terdapat juga aktiviti air dan juga cabaran 'fear factor'."

"Ia tidak asing dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Saban tahun, memang ditunggu-tunggu," ujarnya kali pertama dianjurkan pada tahun 2011 dengan penyertaan 60 orang peserta dari 11 IPT.



NORMALIZA

Program tersebut turut mendapat penyertaan pelajar antarabangsa dari negara Thailand, Indonesia, Korea, Jepun dan China yang mewakili kelab UNESCO Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Normaliza turut berharap agar program ini menjadi wadah memperkasakan kedudukan Tasik dan Wetland Putrajaya dalam rangkaian Global UNESCO Ecohydrology Demonstration Sites, satu-satunya tapak di Malaysia yang mendapat pengiktirafan demikian sejak tahun 2010.

"Selain daripada itu, program ini juga mempromosikan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai tapak rekreasi berteraskan ilmiah selain daripada sebuah tapak ekosistem perbandaran yang seimbang, stabil serta menjadi pemangkin gaya hidup yang sihat para penghuninya," ujarnya.

Pasukan yang berjaya akan menerima hadiah wang tunai juara berjumlah RM3,000; naib juara RM2,000; tempat ketiga RM1,000; tempat keempat hingga 20, RM200; pasukan terbaik lelaki, pasukan terbaik wanita dan pasukan terbaik campuran, RM300.

Turut disediakan medal untuk 100 pasukan terawal, pengiktirafan pemenang serta insentif galakan, sijil dan cabutan bertuah. **WK**

## Putrajaya Lake and Wetland EXPLORACE

12 November 2022 | Sabtu

Taman Wetland Presint 13

**LAKE WARRIOR : RM 3,000  
KEDUA : RM 2,000  
KETIGA : RM 1,000**

Tempat ke 4–20 : RM 200

Pasukan Terbaik Lelaki/ Wanita/ Campuran: RM 300

Medal 100 Finisher

(Hadiah adalah untuk setiap kategori)

Sijil Pemenang / Penyertaan

Cabutan Bertuah > RM 5,000

Sijil Penghargaan kontingen IPT terbesar

**Yuran pasukan (2 orang):**

Terbuka RM150

IPT RM100

\*Syarat kategori IPT: umur 18–25 tahun

**Penyertaan terhad kepada 300 pasukan**



Sila imbas kod QR  
untuk mendaftar dan  
maklumat lanjut



Boling padang uji kekuatan minda

# Muiz idam beraksi di Sukan SEA

SABRINA SABRE

**N**AMPAK mudah namun permainan boling padang sebenarnya amat menguji tahap konsentrasi seseorang pemain. Itu yang dikongsi oleh atlet Wilayah Persekutuan, **Mohd Muizzudin Sanip**.

Menurut atlet berusia 23 tahun ini, sukan yang mirip permainan petanque itu memerlukan fokus yang tinggi agar bola asimetri yang dilerek berhenti hampir dengan bola 'jack' bagi mendapatkan mata.

"Sukan ini sebenarnya menguji tahap mental seseorang. Jika ingin melibatkan diri dalam permainan ini, pemain perlulah mempunyai persediaan mental yang tinggi atau dalam erti kata lain perlu mempelajari kemahiran penyediaan mental," ujarnya kepada *Wilayahku*.



Tambah atlet yang mesra disapa Muiz ini, tanpa kekuatan mental, seseorang itu tidak mampu menjadi pemain yang terbaik.

"Jika pemain mula memahami rentak dan gaya permainan boling padang maka percayalah keseronokan itu akan timbul dengan sendiri," ujarnya lagi.

Bukan itu sahaja, atlet yang baru mendapat pingat emas kategori beregu lelaki dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 September lalu berkata banyak pengajaran yang diperolehi sepanjang terlibat dalam sukan boling padang.

"Selain daripada merancang strategi permainan, sukan ini mengajar kita cara menenangkan minda. Selalunya pemain akan cepat gelabah jika bola tidak menghampiri sasaran yang dituju. Seharusnya kita perlu tenang

## Pencapaian Mohd Muizzudin

2022 – SUKMA 2022 – Emas

2019 – Tiger Bowls Hong Kong – Naib Johan

2019 – Japan International Open Lawn Bowls Tournament - Winner of Consolation 2

untuk memastikan percubaan seterusnya berjaya," jelasnya.

Menyingkap permulaannya dalam sukan tersebut, Muiz berkata dia mula menceburui sukan boling padang sejak darjah tiga di Sekolah Kebangsaan Kerupang, Labuan.

"Sukan ini sememangnya terkenal di sini, jadi mudahlah untuk menyertainya. Saya agak beruntung kerana jurulatih, Hassan Hussein banyak mengajar dan membawa saya menyertai kejohanan sehingga bergelar atlet



AKSI Muiz dalam kategori beregu lelaki ketika SUKMA XX yang berlangsung September lalu.

Wilayah Persekutuan," ujar anak pertama daripada dua orang adik-beradik ini.

Dalam pada itu, dia turut me-

nyimpan hasrat untuk melayakkan diri ke Sukan SEA sekali gus mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. **WK**

# PESAYA-14 ditunda ke Februari 2023, latihan diteruskan seperti biasa

DIANA AMIR

**M**ESYUARAT Jawatankuasa Tinggi Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) memaklumkan penganjurannya kali ke-14 yang akan diadakan pada November ini ditangguhkan ke Februari 2023.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa PESAYA ke-14 Sarawak, **Moed Farhan Azhari** selepas satu mesyuarat diadakan bersama pihak tuan rumah (Sarawak).

"Kita dimaklumkan bahawa penangguhan adalah dengan mengambil kira fasa peralihan monsun yang dijangka bermula pada 3 Oktober ini sehingga



MOED FARHAN

November 2022.

"Sarawak bersiap sedia sekiranya berlaku keadaan cuaca tidak menentu dan ia juga bagi memastikan keselamatan kepada mereka yang akan terlibat," katanya kepada *Wilayahku*.

Farhan berkata meskipun ia ditangguhkan, latihan bagi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) masih diteruskan seperti biasa yang mana beberapa acara sukan telah selesai melakukan pemilihan pemain.

"Beberapa acara telah mempunyai senarai akhir pemain seperti petanque, boling, badminton dan bola jaring. Bagi sukan tersebut mereka akan menjalani latihan seperti biasa

bersama jurulatih dan pasukan di tempat yang telah ditetapkan.

"Meskipun ia ditangguhkan, latihan perlu dilakukan bagi memastikan peserta lebih bersedia dan mampu untuk konsisten dari segi stamina. Manakala bagi acara lain seperti dart, karom, e-sport dan lain-lain sesi pemilihan pemain sedang berjalan," ujarnya pihak YWP akan turut menghantar wakil untuk sukan tambahan seperti pingpong.

Ditanya berkenaan sasaran lima pingat yang ditetapkan sebelum ini, Farhan berkata ia masih sama meskipun tempoh latihan buat peserta lebih lama.

"Sasaran masih sama sekurang-kurangnya pingat perak menerusi sukan boling, bola jaring, e-sport, dart dan badminton. Memandangkan tempoh persediaan kita menjadi lebih panjang, diharapkan sukan-sukan lain mampu memberi saingan yang lebih sengit," katanya.

Untuk rekod penganjuran PESAYA Sarawak 2022 dijadualkan berlangsung dari 3 hingga 13 November 2022

namun ditunda ke 9 hingga 18 Februari 2023. Ia dikelolakan oleh YAYASAN SARAWAK dengan kerjasama

Majlis Sukan Negeri Sarawak di mana sebanyak 10 acara sukan dipertandingkan. **WK**



PESERTA YWP giat menjalani latihan seperti biasa meskipun PESAYA ke-14 ditunda ke Februari tahun depan.

**KEJOHANAN SUKAN PIALA PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA 2022**

**TARIKH**  
15 & 16 OKTOBER 2022  
Kompleks Sukan Taman Pancarona,  
Presint 18, Putrajaya

**HADIAH WANG TUNAI**  
JOHAN RM 2,000 \*medal  
NAIB JOHAN RM 1,000 \*medal  
KE-3 & KE-4 RM 500 \*medal

**ACARA**  
FUTSAL | BOLA TAMPA LELAKI & WANITA |  
TAKRAW | BOLA JARING

**SYARAT PENYERTAAN**  
TERBUKA KEPADA KOMUNITI PUTRAJAYA  
- PENDUDUK & BERKHIDMAT DI PUTRAJAYA

**YURAN PENDAFTARAN**  
**RM100**

**MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGKU :**  
Sila imbas Kad QR pada poster untuk borang dan syarat penyertaan  
EN. SAIFUL 011 2372 6015  
PN. KHATIJAH 012 300 9519  
FACEBOOK.COM/PUTRAJAYA INSTAGRAM.COM/PERBADANANPUTRAJAYA



Muiz idam  
beraksi di  
Sukan SEA  
►► 23

## Perbadanan Putrajaya, KRU Studios jalin kerjasama pengoperasian NIC

SABRINA SABRE

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) memeterai perjanjian bersama KRU Studios Sdn Bhd sebagai rakan kerjasama bagi pengoperasian Pusat Penghayatan Alam (NIC) Taman Wetland bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, pada Rabu.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, jalinan kerjasama strategik ini bertujuan menggalakkan pelaburan sektor pelancongan dengan pendekatan teknologi terkini bagi mengadakan pusat pameran interaktif yang lebih kreatif selaras dengan perubahan teknologi semasa.

“Sebagai agensi yang menjalankan fungsi Pihak Berkua Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan Putrajaya, adalah menjadi tanggungjawab PPj untuk membangunkan modal insan dan sosioekonomi warga Putrajaya selain dari pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur ber taraf dunia.

“Keutamaan yang diberikan adalah kepada pengisian yang boleh menjana hasil khususnya bagi warga tempatan melalui sektor pelancongan sekali gus menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan negara dan antarabangsa dan bukan hanya tertumpu kepada kunjungan pelawat semata-mata,” katanya pada Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Perbadanan Putrajaya



FADLUN (dua kiri) bersama Norman (dua kanan) bertukar dokumen perjanjian pada Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Perbadanan Putrajaya Bersama KRU Studios Sdn Bhd di PPj pada Rabu.

Bersama KRU Studios Sdn Bhd.

Selain itu, Fadlun berkata pihaknya bersama KRU Studios akan memperluaskan skop kandungan yang disediakan bertemakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan spesies-spesies hidupan dari era prasejarah sehingga kini dengan penekanan khususnya kepada fungsi dan peranan wetland air tawar sebagai salah satu sumber utama biodiversiti alam di Putrajaya.

“Kepelbagaiannya tarikan baharu yang bakal dibangunkan merangkumi pameran kreatif dan interaktif berbentuk digital dan fizikal seperti *animtronics*. Selaras dengan ‘creative-content’ terkini, bangunan NIC (Nature

Interpretation Centre) Taman Wetland Putrajaya kini dijenamakan sebagai Wetland Studios Putrajaya.

“Namun, Wetland Studios Putrajaya kini masih ditutup sementara waktu bagi membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan naik taraf dijalankan. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan April 2023,” jelasnya pihak PPj yakin dengan pengalaman, kepakaran serta kemampuan KRU Studios mampu merealisasikan pembangunan ini.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios Sdn Bhd, **Datuk Norman Abdul Halim** berkata



NIC bakal dijenamakan sebagai Wetland Studios Putrajaya tidak lama lagi.

peluang yang diberikan oleh PPj bagi pengoperasian NIC Taman Wetland, Putrajaya bagi pucuk dicita, ulam mendatang.

“Wetland Studios Putrajaya bukanlah sekadar taman tema untuk bersuka-ria semata-mata tetapi berkonsepkan ‘edutainment’ yang menonjolkan peranan Taman Wetland Putrajaya serta flora dan faunanya kepada masyarakat setempat.

“Berpakuan teknologi terkini, kami akan menyediakan pelbagai jenis aset dalam bentuk *animtronics* dan kandungan kreatif dalam bentuk audio dan visual menggunakan kepakaran kami dalam penghasilan kesan khas visual dan animasi.

“Kami yakin Wetland Studios Putrajaya akan menjadi tarikan baru bagi menarik pelancong ke Putrajaya sekali gus memberikan pengalaman, hiburan dan maklumat bermanfaat kepada orang

ramai tentang tanggungjawab kita sebagai warga dunia untuk menjaga alam sekitar,” tambahnya Zan Orangutan akan dijadikan sebagai maskot Wetland Studios Putrajaya.

Jelasnya, Zan Orangutan merupakan watak utama daripada filem animasi terbitan bersama di antara KRU International, Astro Shaw dan Ray Productions dan Suzhou VSO China Network Technology, Co Ltd yang akan dikeluarkan ke lebih 100 negara pada tahun hadapan.

Turut hadir, Setiausaha PPj, Kamal Azira Hassan; Naib Presiden Landskap PPj, LAr. Abd Aziz Buang; Naib Presiden Kewangan PPj, Suhaila Eleas; Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh; Ahli Lembaga Pengarah KRU Studios Sdn Bhd, Datuk Yusry Abdul Halim dan Naib Presiden Operasi KRU Studios Sdn Bhd, Zarina Abdul Rahman. WK

## Noryn Aziz, Zara Zya kongsi rasa, bangkit semangat ‘survivor’ kanser

DEEL ANJER

KANSER bukan hukuman tuhan. Kanser juga bukan penamat kehidupan. Itu antara kata-kata semangat daripada dua selebriti popular **Noryn Aziz** dan **Zara Zya** buat mereka yang menghadapi kanser dan juga *cancer survivor*.

Sebagai tanda sokongan, kedua-dua selebriti ini hadir ke Majlis Fashion Fight Cancer sempena Program Pink Unity anjuran Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia dan jenama fesyen Variante di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

Menurut Noryn, makna kanser itu sendiri sangat dekat di hatinya kerana arwah ayahnya meninggal dunia disebabkan kanser hati tahap empat pada tahun lalu.

“Bila doktor beritahu ayah hanya boleh hidup selama enam bulan sahaja, saya hilang kata-kata. Walaupun rasa tak boleh terima tetapi saya reda dengan ketentuan



ZARA Zya (empat dari kiri) dan Noryn Aziz (lima dari kiri) bersama Raja Azura (tengah) serta pihak pengajur dan beberapa orang cancer survivor pada Majlis Fashion Fight Cancer, Selasa lalu.

Allah. Hanya doa menjadi pengubat rindu.

“Namun, saya rasa bertuah dan bersyukur apabila diberi peluang menjaga arwah ketika sakit. Tambah pula, ketika

itu negara masih dilanda COVID-19 semua kena duduk rumah. Jadi kami sekeluarga jaga dia,” ujarnya yang turut diuji kehilangan ibu saudara dan nenek yang meninggal

dunia disebabkan kanser payudara.

Sementara itu, bagi Zara Zya pula, persepsi negatif terhadap kanser dalam kalangan masyarakat dapat diubah.

“Saya menyokong program ini yang menyokong *cancer survivor* untuk terus bersemangat menjalani kehidupan seharian. Sudah tentu ia adalah salah satu tanggungjawab saya sebagai selebriti untuk mendidik masyarakat tentang kanser.

“Apabila bercakap pasal kanser, orang selalu takut kerana mereka fikir kanser adalah pembunuhan nombor satu. Anggapan itu salah dan tak boleh ada dalam diri.

“Jadi, saya sendiri pun sedar perlunya ada ilmu berkaitan kanser agar boleh disampaikan kepada orang lain.

“Walaupun saya tak dikelilingi oleh pesakit kanser, tapi saya bawa pengurus saya, Jamal yang juga *cancer survivor* ke majlis ini kerana mahu menyokongnya,” ujar Zara Zya. WK